


Jilid II
Bil. 11



Hari Rabu
24hb Mei, 1972

MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 1323]

RANG UNDANG²:

- Rang Undang² Pemegang Pajakgadai [Ruangan 1367]
- Rang Undang² Lembaga Pelabohan (Pindaan) [Ruangan 1370]
- Rang Undang² Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 1379]
- Rang undang² Mahkamah (Pindaan) [Ruangan 1399]
- Rang Undang² Mahkamah Ke'adilan (Pindaan) [Ruangan 1401]
- Rang Undang² Probet dan Pentadbiran (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 1403]
- Rang Undang² (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 1413]

DICETAK OLEH
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN
MALAYSIA BARAT, KUALA LUMPUR

1973

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 24hb Mei, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- .. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- .. DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- .. Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- .. PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- .. TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- .. PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- .. TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- .. DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- .. CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- .. TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- .. AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- .. TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- .. TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- .. TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- .. TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- .. TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- .. TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

- Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.,
J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).

- Yang Berhormat TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N.
(Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI,
(Kedah Tengah).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Tugasan Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

BELIA² DARI DUSUN TUA— KEUTAMAAN JAWATAN²

1. **Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa surat² arahan telah di-keluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mensharatkan bahawa pengambilan pekerja² yang akan datang di-dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar serta Bahagian IV, hendak-lah di-ambil dari mereka² yang telah menjalani latehan di-Dusun Tua dan bekas² pasokan keselamatan dan bahawa syarat² ini telah menimbulkan resah kepada orang² yang chachat dalam negeri ini seperti mereka yang berada dalam Pusat Kusta Negara, Hospital² Sakit Otak, Sekolah Orang² Buta Henry Gurney dan lain² yayasan sa-umpama itu dan jika sedar boleh-kah beliau memberi pertimbangan supaya orang² ini di-kechualikan daripada syarat² surat² arahan tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, surat Pekeliling yang di-keluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam tidak-lah samata² mensharatkan hanya memberi keutamaan kepada Belia² dari Dusun Tua dan bekas² anggota tentera bagi beberapa jawatan yang tertentu dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar serta Bahagian IV.

Orang² buta telah pun di-lantek untuk memenohi beberapa jawatan seperti Jurutaip, Jurutrengkas dan Talipon Operator dan beberapa orang² yang telah semboh dari sakit kusta ada berkhidmat dalam Pusat Kusta Negara sa-bagai Penolong Jururawat dan Buroh Kasar. Tindakan sedang di-ambil untuk menetapkan jenis² jawatan tambahan yang di-fikirkan sesuai untuk di-penohi oleh orang² yang buta dan chachat dan peratusan yang menasabah akan di-khaskan untuk mereka. Tetapi bukan-lah semua kerja dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar serta Bahagian IV itu boleh di-jalankan oleh orang² buta dan chachat.

Saya fikir dengan ada-nya hasrat Kerajaan untuk memberi peluang khas bagi orang² buta dan chachat di-lantek ka-dalam

jawatan² yang sesuai, mereka tentu-lah patut berasa puas hati.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan penempatan pesakit² kusta di-Sungai Buloh, bahawa buroh kasar telah di-ambil daripada pesakit² di-sana, ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar yang sa-patut-nya perkara ini tidak berlaku, kerana buroh kasar semua-nya di-ambil dari luar penempatan di-sana dan Pengarah Hospital itu menyatakan oleh sebab dengan ada-nya surat pekeling ini daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, mereka tidak boleh mengambil pesakit² yang boleh bekerja di-sana, boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyiasat atas perkara ini dan memberi jaminan kalau sa-kira-nya ada jawatan kosong di-sana, jawatan² itu boleh di-beri keutamaan-nya khas-nya kepada pesakit² yang dudok di-sana.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menyiasat atas perkara ini kalau ada jawatan² yang di-pegang oleh bekas² pesakit di-Sungai Buloh ini, kita akan berikan kepada mereka.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, if the Government's directive is that only persons trained in Dusun Tua should be recruited for employment, what will happen to those who have registered with the Employment Exchanges?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab perkara itu tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa beliau akan menyiasat atas perkara di-dalam Penempatan Kusta di-Sungai Buloh. Ada-kah beliau sedar kalau sa-kira-nya pesakit² yang boleh kerja tidak mendapat kerja, maka Kerajaan di-kehendaki membelanjakan sa-kurang²-nya \$10.00 sa-hari untuk membenarkan mereka tinggal di-hospital sana, tetapi kalau mereka itu dapat kerja, walau pun di-dalam atau di-luar hospital itu, perbelanjaan untuk hospital itu boleh di-kurangkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan, saya faham hal ini.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada banyak orang yang pergi berlateh di-Sekolah Dusun Tua tidak mendapat kerja. Boleh-kah Yang Amat Berhormat berjanji kepada Dewan ini ia-itu tiap² orang yang pergi berlateh di-Dusun Tua akan di-beri kerja.

Perdana Menteri: Kita chuba dengan sa-berapa yang boleh untuk mencharikan kerja kepada mereka itu dan dasar kita hanya-lah melateh mereka yang kita anggap boleh di-beri kerja.

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, will the Prime Minister consider legislating that employers should employ in their establishment a certain percentage of the handicapped people, as has been done in several other countries?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak mustahak di-adakan undang². Perkara ini boleh di-jalankan dengan chara administrative sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di-sektor swasta mereka tidak berpuas hati mengambil pekerja daripada orang yang chachat. Oleh sebab itu, perlu-lah Kerajaan mengadakan Rang Undang² saperti yang di-sebutkan oleh rakan saya dari Bukit Bintang.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi soalan-nya bagaimana?

Dr Tan Chee Khoon: Soal-nya oleh sebab pehak sektor swasta atau pedagang² sektor swasta tidak mahu mengambil pekerja² daripada orang yang chachat, maka Kerajaan perlu mengambil tindakan untuk memaksa sektor swasta mengambil orang chachat sebagai pekerja²-nya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab perkara ini tadi dan Kerajaan ada-lah faham dan kita fikir tidak-lah mustahak di-adakan undang², bahkan masalah ini boleh di-atasi dengan chara administrative.

PENGIMPOT² BERAS— KELAMBATAN MENGELUARKAN

2. Tuan Edwin Anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memberi jaminan bahawa kelambatan²

dalam mengeluarkan beras yang di-impot dari Negeri China dan Siam dari gedong² Kerajaan, khas-nya di-gedong² Pelabuhan Kuching, tidak akan berlaku lagi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kelambatan dalam mengeluarkan beras yang di-impot dari Negeri China dan Siam dari gudang² di-pelabuhan tidak berlaku sa-kira-nya pengimpot² membuat permohonan awal dan mengikut peratoran². Kelambatan yang berlaku di-Pelabuhan Kuching ada-lah disebabkan pengimpot² tidak memohon dan mendapat lesen mengimpot sa-belum beras asing itu sampai di-pelabuhan, dan telah mengimpot lebeh daripada quota bulanan yang di-tentukan kepada mereka.

Pada kebiasaan-nya semua lesen² impot beras di-lulus dan di-keluarkan dalam masa 2 atau 3 hari dari tarikh penerimaan permohonan², sa-kira-nya semua peratoran² di-patohi. Permohonan² lesen impot beras bagi sa-suatu bulan sentiasa di-luluskan di-antara 1-14 haribulan dalam bulan yang berkenaan itu juga.

Tuan Edwin anak Tangkun: (*Dengan izin*) Sir, can the Honourable Prime Minister take steps to ensure that the authority concerned works 24-hour shifts when there are large quantities of imported rice in the godowns at Kuching Port?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saperti yang saya katakan tadi perkara ini ada-lah bergantung kepada lesen. Kalau mereka itu mempunyai lesen untuk meng-impot, itu tidak ada timbul masalah. Masalah yang timbul ini ia-lah oleh sebab mereka itu lambat mendapatkan lesen. Jadi beras itu tidak boleh di-bawa masuk melain-kan dengan ada-nya lesen.

PILEHANRAYA UMUM 1969— LAPORAN RASMI

3. Tuan Loh Jee Mee (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Surohanjaya Pilehanraya dapat menerbitkan laporan rasmi-nya berkenaan Pilehanraya Umum 1969.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab soalan ini tidak berapa hari yang lalu, laporan ini ada-lah sedang di-chetak dan juga boleh di-jual dengan harga \$4.00 sa-naskhah. Dan naskhah² ini boleh di-dapati di-pejabat Surohanjaya

Pilehanraya dan juga di-pejabat² Penyelia Pilehanraya Negeri dan juga di-Government Printers.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Sir, would the Honourable Prime Minister let the House know what was the reason for this delay—between the election in May, 1969 and now May, 1972—3 years' delay in producing this Report?

Tuan Yang di-Pertua: That is a different question. If you read the question, you will find that it is a different question.

1 HARIBULAN MEI— KELEPASAN AM

4. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau akan menimbang menjadikan 1 haribulan Mei sa-bagai satu hari kelepasan am ia-itu sa-bagai hari pekerja².

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai yang telah di-ishtiharkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan telah bersetuju menjadikan satu haribulan Mei Hari Kelepasan Am dan Hari Perayaan Pekerja².

PENYEWA TANAH GREEN LANE, PENANG

5. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau telah menerima satu surat rayuan bertarikh 29hb Mach, 1971 dari sa-orang penyewa tanah terhadap tuan punya Enche' Tan Ah Chin, 42 Green Lane, Penang, dan jika ya, nyatakan apa-kah tindakan yang telah beliau ambil.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, surat rayuan yang tersebut ada di-terima dan surat itu ada-lah surat terbang yang tidak di-ketahui siapa menghantar-nya. Walau bagaimana pun penyiasatan telah di-jalankan dan tidak ada bokti yang cukup untuk mengambil apa² tindakan pada masa ini.

Dengan berbangkit-nya pertanyaan itu maka ada-lah nyata si-penulis surat terbang itu di-ketahui oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh yang demikian saya suka bertanya ada-kah Ahli Yang Berhormat itu sanggup

memberi kenyataan butir² mengenai nama dan alamat si-penulis surat terbang itu serta lain² kenyataan yang di-ketahui oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Sa-kira-nya sanggup, sila-lah beri ma'alumat² itu segera supaya memudahkan penyiasatan di-jalakan selanjut-nya atas perkara itu. Saya rasa hairan sedikit kenapa Yang Berhormat ini menunggu persidangan Parlimen. Sa-patutnya sa-lepas sahaja beliau mendapat ma'alumat, beliau patut menghubongi dengan pehak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya perkara ini di-siasat lebeh awal.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, in fact this gentleman who forwarded the petition informed me that no action has been taken.

Tuan Yang di-Pertua: Is it a supplementary question?

Tuan V. David: Yes, I just want to answer to what he has asked me to do, Sir, and I will definitely contact this man and forward the necessary information.

PERSATUAN KAKITANGAN PENGURUSAN—TUDOHAN

6. **Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau sedar bahawa Persatuan Kakitangan Pengurusan telah menuduh bahawa banyak firma² di-pehak swasta maseh lagi meng-ambil orang² dagang yang tidak berkelayakan; jika benar, nyatakan usaha yang telah di-buat oleh Kementerian untuk menyiasat hal ini bagi membetulkan keadaan ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, ada saya terbacha di-dalam akhbar² tempatan bahawa Persatuan Kakitangan Pengurusan membuat tomahan² sa-demikian.

Kerajaan memang sedia mengawasi peng-ambilan orang² dagang oleh majikan² untuk bekerja di-negeri ini. Saperti Ahli Yang Berhormat itu tahu Kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatan-kuasa Tetap mengandongi wakil² daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Pelajaran, Kementerian Buroh dan Jabatan Imigeresen yang telah di-tugaskan untuk mengkaji dan memereksa permohonan² yang

di-anjorkan oleh pehak² swasta bagi meng-gajikan pegawai² dagang. Di-masa memereksa permohonan² seperti ini Jawatan-kuasa itu jua meneliti kelayakan orang asing yang hendak di-gajikan dan menentukan sama ada warganegara Malaysia ada mempunyai kelayakan dan pengalaman yang di-kehendaki untuk satu² jawatan itu. Setelah Jawatan-kuasa itu berpuas hati yang:

- (i) Tiada warganegara Malaysia yang layak memegang jawatan tersebut; dan
- (ii) Pegawai² dagang yang hendak di-gajikan itu mempunyai kelayakan dan pengalaman yang di-kehendaki itu, maka baharu-lah "Pas Lawatan" kerja di-keluarkan untuk membolehkan majikan itu menggunakan atau pun memakai pegawai dagang itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bukan sahaja jawatan management yang di-sebutkan oleh Persatuan itu, tetapi jawatan² yang rendah sedikit pun telah di-beri kepada orang yang tidak ada kera'ayatan di-tanah ayer kita. Oleh hal yang demikian, boleh-kah Menteri yang berkenaan menyiasat perkara ini sa-kira-nya saya berikan kepada beliau beberapa surat yang saya terima baharu² ini tentang perkara ini? Pada sapuchok surat mereka mengatakan baharu² ini telah di-buang kerja dan jawatan yang kosong di-isikan dengan orang yang bukan warganegara di-tanah ayer kita.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat perkara ini sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu memberikan butir² yang lanjut.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, would the Government consider producing a legislation to ensure that all these foreign firms which are established in this country and which are making tons of money out of this country, do provide training for local staff to ensure that these local staff will be able to take over their present positions once they leave—that is the first point. The second point is that legislation should also be made to ensure that no expatriates would be recruited into the firms unless there are no able local staff to take over these jobs at the moment?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini undang² tidak di-perlukan, kerana kawalan² yang ketat sudah pun di-jalankan.

PENGECHUALIAN CHUKAI JUALAN ATAS MOTOR² SANGKUT

7. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk mengechualikan motor outboard daripada Chukai Jualan di-Sarawak, kerana ia-nya amat di-perlukan di-kawasan² luar bandar di-Sarawak kerana di-gunakan dengan luas dalam pengangkutan di-sungai² oleh petani² dan nelayan² yang miskin.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah terlalu sukar bagi menguruskan pengechualian chukai jualan atas motor² sangkut yang di-gunakan oleh nelayan² dan petani² kerana motor² itu juga di-gunakan untuk tujuan² lain. Walau bagaimana pun satu sistem sedang di-sediakan oleh Perbendaharaan dan Kementerian Pertanian dan Perikanan untuk membolehkan nelayan² kita mendapat kelepasan daripada chukai tersebut atas barang² itu. Sa-benarnya saya telah menyebutkan ranchangan ini apabila mengumumkan perlaksanaan chukai jualan dalam bulan Februari yang lalu.

Tuan Stephen Yong Kuet Tze: (*Dengan izin*) Will the Honourable Finance Minister consider also the case not only of the fishermen but also the farmers who stay in the ulu areas in the outlying districts in Sarawak who will have to depend on outboard motors. Therefore, would he also consider, in this scheme of things, to exempt from sales tax outboard motors with low horsepower which are always used by the farmers and fishermen but not the bigger powered engines?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, we will certainly consider those cases, because I think if the fishermen and those living in the riverine areas find it necessary to use motor boats for their livelihood, we can certainly consider these other cases as well.

ROYALTI² KA-ATAS SHARIKAT MINYAK PETROLEUM

8. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengkaji

sa-mula royalti² yang di-bayar sekarang ini oleh sharikat² minyak di-Sarawak dengan tujuan untuk menambah lagi royalti² seperti itu.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, royalti² yang di-bayar oleh sa-sabua sharikat minyak petroleum di-atas pengeluaran-nya, tidak-lah seperti royalti² yang di-kenakan ka-atas hasil² bumi yang lain seperti kayu balak. Royalti² atas minyak ada-lah pada am-nya di-tetapkan dengan perjanjian di-antara Kerajaan dan sharikat yang berkenaan, dan kerap kali-nya kadar² royalti di-persetujukan sa-lepas perundingan yang teliti dan panjang, dan pada lazim-nya tidak di-ubah oleh Kerajaan tanpa perundingan. Walau bagaimana pun, pada tahun lepas Kerajaan berjaya menaikkan mulai 1hb Januari, 1969, kadar² royalti yang di-bayar oleh sharikat minyak petrol yang tinggal di-Sarawak, ia-itu Shell.

GULA—PENUBOHAN LEMBAGA GULA MALAYSIA

9. Tuan Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) oleh kerana gula ada-lah makanan perlu di-negeri ini sama ada Kerajaan berchadang menubuhkan satu Lembaga Gula Malaysia; dan
- (b) dengan ada ladang² dan kilang² penapis gula, sama ada Kerajaan berchadang menyertai Perjanjian Gula Antarabangsa supaya harga gula dapat di-stabilkan.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Oleh kerana gula merupakan barang pengguna yang mustahak dan Kerajaan telah pun memberikan galakan terhadap penubohan projek² ladang penanaman dan pengilangan tebu yang di-persatukan, ada-lah menjadi hasrat Kerajaan untuk menubuhkan sa-buah Lembaga Gula yang kelak mempunyai tugas untuk membuat dasar² mengenai semua aspek perusahaan gula tempatan dalam rangka memenohi semua kehendak dan kepentingan pengguna² dan juga kalangan pengusaha² penanaman dan pengilangan gula. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang ini sedang mengkaji perkara ini dengan kerjasama daripada lain² Kementerian.

- (b) Pada masa ini Kerajaan berpendapat tidak-lah ada faedah-nya untuk menjadi ahli kapada Perjanjian Gula Antarabangsa (International Sugar Agreement). Dengan menjadi ahli kapada Perjanjian ini, Malaysia akan kehilangan hak memilih yang "flexible" dalam mendapatkan bekalan gula mentah daripada sumber² yang paling murah memandangkan kapada sa-bahagian besar perbekalan gula di-dunia ini ada-lah daripada negeri² yang tidak menjadi ahli Perjanjian ini. Bagaimana pun, Kerajaan mengkaji dari sa-masa ka-samasa, keadaan perbekalan gula di-dunia terutama sekali sekarang kita sedang memajukan perusahaan menanam tebu. Kerajaan akan memberikan pertimbangan yang sa-wajar-nya terhadap kemungkinan untuk menjadi ahli kapada Perjanjian ini jika sa-kira-nya kemasokan itu berfaedah kapada negeri ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa gula yang di-keluarkan oleh pengilang² dalam negeri kita ini mutu-nya (quality) ada-lah rendah pada segi manis, erti-nya kalau dibandingkan dengan gula yang datang dari luar negeri. Satu chawan teh, kalau di-gunakan gula dalam negeri ini dalam dua sudu, baharu-lah rasa-nya manis, tetapi kalau gula Taiwan pula, satu sudu sahaja di-gunakan sudah manis, ada-kah perkara ini hendak di-siasat untuk di-perbaiki?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I am not quite sure whether that experience of the Honourable Member is confined to a few people or is general, but I must admit that this is the first time that I have heard of it. If the Honourable Member feels very strongly about it, perhaps he could help by providing samples to the Ministry of Trade and Industry so that we could look into it.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini, ia-itu pada masa akan datang dalam tempoh 6 bulan, sama ada harga gula di-negeri ini boleh naik atau turun. Dan yang kedua, boleh-kah Menteri Kewangan memberitahu kita, apa-kah langkah yang sesuai

dan effective bagi Kementerian-nya hendak ambil untuk menjaga dan menetapkan harga gula di-negeri ini?

Tun Tan Siew Sin: I, of course, appreciate the reason for the first supplementary question from the Honourable Member opposite. He obviously has a particular date in mind, but in spite of that I can assure him that it is not our intention to put up the price of sugar and we are doing everything we can to ensure that we can maintain this price.

BELIA² DUSUN TUA— KEENGGANAN SWASTA

10. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan sama ada benar bahawa kalangan swasta enggan mengambil belia² yang di-lateh di-Dusun Tua untuk bekerja di-kilang² mereka oleh kerana belia² tersebut tidak mahir dan kurang terlateh dan jika benar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil untuk menjadikan mereka pekerja² yang mahir kepada taraf yang dapat di-terima oleh kalangan swasta dan jika tidak benar, apa-kah tindakan yang akan di-ambil ka-atas firma² swasta yang enggan mengambil belia² tersebut bekerja.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, anggapan yang mengatakan pehak swasta enggan mengambil belia² yang telah di-lateh di-Dusun Tua itu tidak-lah 100% benar, kerana memang ada kilang² yang telah mengambil bekas² pelateh di-Dusun Tua untuk bekerja di-tempat² mereka. Akan tetapi ada di-antara pehak swasta yang telah menyatakan bahawa belia² lepasan Dusun Tua belum mempunyai kemahiran yang di-kehendaki oleh mereka. Dalam pada itu Kementerian ini sedang mengambil langkah bagi memperbaiki mutu latehan di-Dusun Tua dengan mengadakan perkakas²—alatan² yang lebeh moden lagi dan dengan di-tambah bilangan jurulateh di-beberapa jurusan² latehan di-pusat itu.

Sa-lain daripada itu juga sa-buah Lembaga Penasehat untuk Dusun Tua yang di-anggotai oleh wakil² daripada kalangan swasta dan Kerajaan telah di-lantek dan Lembaga Penasehat ini ada-lah mempunyai tugas pertama-nya menasehat tentang chara² dan teknik latehan di-Dusun Tua sesuai dengan

selok-belok kerja² bidang swasta juga memberi bantuan untuk mendapatkan latehan amali bagi belia² Dusun Tua untuk mendapatkan pengalaman perusahaan guna untuk menambahkan kemahiran mereka dan juga memberi bantuan untuk mendapatkan pekerjaan kepada pelateh² itu dalam bidang² kerja yang bersesuaian dengan kemahiran mereka.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar masa untuk latehan belia² di-Dusun Tua sa-lama 6 bulan sahaja tidak menchukopi untuk mereka menchapai kemahiran yang di-kehendaki oleh pehak swasta, oleh hal yang demikian, boleh-kah Menteri yang berkenaan memanjangkan tempoh latehan sa-hingga dua tahun umpama-nya supaya belia² di-sana boleh mendapat pengalaman dan kemahiran yang sesuai untuk pehak swasta?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tidak mengikuti jurusan latehan—tempoh latehan di-Dusun Tua itu dengan mendalam-nya. Yang sa-benar-nya ada dua chara latehan: latehan pembena yang mengambil masa chuma tiga bulan—bukan enam bulan. Dan lagi satu latehan yang mengambil masa 18 bulan. Saya berpendapat latehan di-Pusat Latehan Pelupor sa-panjang 18 bulan itu memadai untuk memberi pelateh² itu asas kemahiran yang menchukopi bagi mereka di-beri pekerjaan dalam badan² swasta.

Tuan Goh Hock Guan: Boleh-kah Menteri yang berkenaan memberitahu, apa-kah sebab²-nya peserta² di-Dusun Tua itu telah di-beri military training?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Itu soalan lain, rasa saya.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, one of the problems that arises from the training of our youths in Dusun Tua is the fact that a number of these youths are engaged either in the private sector or in factories. First of all, they are generally unfit for the task at hand because they were not provided with the necessary skills to do the job, but because of the military training which they were given some of them tend to be rather *sombong* and can get out of hand.

Therefore, my question is, is it very necessary to provide military training for people who basically are looking for jobs? The problem surely is to provide skills, which means more vocational schools.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu mengatakan mereka ada military training dalam ertikata pelateh² itu di-suroh berkawat, menembak—itu tidak ada latehan sa-macham itu yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di-Dusun Tua itu. Chuma kita beri latehan jasmani—disiplin yang saya perchaya Ahli Yang Berhormat mengakui bahawa latehan ada-lah perlu bagi belia² kita.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan memberitahu dengan Menteri Kebudayaan Negeri Sarawak supaya belia² dalam negeri Sarawak juga mendapat latehan di-Dusun Tua?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya telah berunding dengan Menteri Kebudayaan Sarawak pada pagi ini dan telah bersetuju mengambil 30 orang daripada Sarawak untuk di-lateh di-Dusun Tua.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan memberitahu kepada Dewan, sa-lain daripada latehan jasmani yang membolehkan mereka yang di-lateh di-Dusun Tua untuk menjadi pekerja² yang mahir, ada-kah juga latehan² di-beri untuk belia² itu dapat berdiri di-atas kaki-sendiri dalam bidang mencari penghidupan sa-telah keluar daripada Dusun Tua itu?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, memang ada latehan saperti itu. Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sokan telah menjalankan beberapa usaha memberi pertolongan kepada belia² dalam bidang kerja sendiri supaya mereka ini boleh bekerja sendiri, dan usaha² ini tidak sahaja melihatkan belia² yang mendapat latehan dari Dusun Tua tetapi juga belia² lain pada umum-nya. Beberapa buah unit pengeluaran telah di-tubuhkan bagi membantu belia² lepasan Dusun Tua bekerja sendiri di-bidang pengeluaran kerusi-meja, pakaian dan juga telah mengatorkan latehan di-luar Dusun Tua

dengan badan² swasta di-mana mereka itu akan di-beri latehan di-bidang perniagaan dan lain².

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apakah dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang pemuda² yang telah di-lateh dalam bidang ini yang telah keluar daripada Pusat Latehan di-Dusun Tua itu maseh ada yang hendak bekerja makan gaji atau pun ada juga mahu bekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain. Jauh sangat bedza-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya Menteri hendak menjawab soalan ini?

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri tidak menjawab soalan saya dan sekarang saya hendak bertanya. . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak terangkan kepada Ahli Yang Berhormat, kalau Menteri hendak jawab pun, kalau saya tidak izinkan, tidak di-jawab juga.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, beliau bersetuju atau tidak bersetuju dengan pandangan saya ia-itu kelemahan belia² di-negara ini boleh di-atasi jikalau kita dapat lebeh sekolah² vokeshenal. Dan jikalau dia bersetuju dengan fikiran saya itu, boleh-kah beliau berhubong dengan Menteri Pelajaran untuk menubuhkan lebeh banyak sekolah² vokeshenal, technical institute dan technical institution di-Malaysia yang sekarang ini sangat kurang.

Dato' Haji Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat, tetapi saya suka menyatakan bahawa Kerajaan memang telah mengambil tindakan bagi mengadakan lebeh banyak lagi Sekolah² Latehan Kemahiran (Vocational Training School) menerusi Kementerian Pelajaran, menerusi Kementerian Buroh, menerusi badan² lain saperti MARA dan sa-bagai-nya.

Tuan Goh Hock Guan: Mr Speaker, so the problem still remains that the graduates from the Dusun Tua Centre, whether they take a six months' course or an eighteen months'

course, the fact still remains that when they come out, the majority of them are still unskilled and unable to fit into the commercial or the industrial sector of economy. Therefore, what type of training are you going to provide to overcome this problem?

Dato' Haji Hamzah bin Dato' Abu Samah: Ini pendapat Ahli Yang Berhormat, tetapi sa-balek-nya pula, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa daripada jumlah 11,000 yang keluar daripada latehan di-Dusun Tua, tidak kurang daripada 10,000 yang telah mendapat pekerjaan.

GETAH—PENDERITAAN PEKEBUN² KECHIL

11. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebih separoh dari penduduk² Negeri Kedah sedang menderita di-sebabkan jatoh-nya harga getah dan jika ya, sama ada beliau berchadang mengalahkan mata² pencharian hidup mereka dengan menggalakkan tanaman ubi kayu dan dengan menyediakan kilang ubi kayu sa-laras dengan projek² di-Negeri Sembilan, Perak, Johor, Trengganu dan Kelantan.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar keadaan yang di-hadapi oleh pengeluar² getah terutama sa-kali pekebun² kechil bukan sahaja di-Kedah bahkan juga di-seluruh Malaysia pada masa harga getah jatoh. Kerajaan sedang mengambil tindakan yang sa-wajar-nya untuk memperbaiki keadaan ini. Satu daripada langkah² yang di-ambil bagi menchapai tujuan ini ia-lah mempelbagaikan pertanian termasuk tanaman ubi kayu.

Tindakan Kerajaan untuk menggalakkan tanaman ubi kayu bukan sahaja di-beri kepada pekebun² kechil saperti Persatuan² Peladang dan Ranchangan Tanah Belia tetapi juga sa-chara besar²an. Hingga tahun 1971 sa-jumlah 48,000 ekar tanah telah di-tanam dengan ubi kayu di-seluruh negara. Dari jumlah ini 2,080 ekar tanah telah di-tanam dengan ubi kayu di-negeri Kedah ia-itu 1,210 ekar tanaman tunggal, 149 ekar tanaman utama dan 721 ekar tanaman champoran.

Selaras dengan dasar mempelbagaikan tanaman, Kerajaan telah membena beberapa kilang ubi kayu serta memberi pengechualian chukai Kredit Pelaburan kepada kilang² tersebut. Kerajaan juga akan menyediakan lebih banyak lagi kilang² di-tempat perusahaan ubi kayu termasuk negeri Kedah jika syarat memadai.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri Perusahaan Utama menyatakan penanam² getah akan di-galakkan untuk menanam ubi kayu sahaja. Boleh-kah Menteri yang berkenaan menerangkan mengapa-kan penanam² getah atau tuan² punya tanah getah tidak di-galakkan untuk menanam jagong untuk menjadi makanan kepada ayam dan sa-bagai-nya.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, jika jawapan saya hendaklah di-dengarkan dalam kontek soalan baharu-lah Ahli Yang Berhormat mengerti mengapa saya berchakap hal ubi sahaja.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-ka-h kemungkinan Kerajaan merundingkan dengan pembeli² luar negeri supaya surat perjanjian di-buat bagi menjaminkan harga ubi kayu yang boleh di-keluarkan oleh penduduk² di-luar bandar.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Dalam sales promotion yang kita chuba hendak mendapatkan harga yang baik daripada client² kita, saya fikir memandang kepada besar-nya production atau pun kechil-nya production Malaysia, maka saya nampak masa-nya belum-lah lagi tiba bagi kita mengadakan commodity agreement atas perkara ini.

ASAP BERLEBEHAN— PEMEREKSAAN KENDERAAN

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perhubungan menyatakan ada-ka-h benar sa-bagaimana yang di-da'awa oleh pemandu² teksi yang teksi² mereka selalu sahaja di-kenakan pemereksaan injin berasap sedangkan bas² yang di-punyaï oleh sharikat² besar tiada di-kenakan pemereksaan saperti itu walau pun sa-tengah² bas yang berjalan mengeluarkan lebih banyak asap daripada yang di-keluarkan oleh teksi.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua, da'awaan ini ada-lah tidak benar. Pegawai² Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis ada-lah menjalankan pemereksaan kepada semua jenis kenderaan tidak kira bas² yang di-punyai oleh sharikat besar atau pun teksi yang di-punyai oleh orang persaoangan yang melalui tempat di-mana pemereksaan itu di-jalankan.

Tunku Abdullah ibni Almarhun Tuanku Abdul Rahman: Ada-kah Kementerian sedar bahawa banyak kereta² yang di-punyai oleh Jabatan Kerja Raya dan juga Jabatan Polis yang mengeluarkan asap yang hitam.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, kereta yang di-jalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan Polis ini ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan dan pemereksaan di-jalankan dari sa-masa ka-samasa.

MENGHISAP DADAH MERBAHAYA—KESALAHAN

13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan orang yang telah di-tangkap kerana kesalahan menghisap dadah merbahaya;
- (b) bilangan orang yang ketagehkan dadah; dan
- (c) ikhtiar yang telah di-buat untuk menchegeh orang² dari memakan dadah dan untuk memulehkan penageh² ini.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan orang yang telah di-tangkap dari sejak 1hb Januari, 1969 sa-hingga 31hb April, 1972 ia-lah 2,361 orang.
- (b) Angka berkenaan bilangan orang yang ketageh dadah tidak di-ketahui.
- (c) Usaha² untuk menchegeh kegunaan madat ada-lah di-jalankan melalui Jawatan-kuasa Koordinasi antara Jabatan² di-mana wakil²-nya terdiri daripada Jabatan² Polis, Badan Penchegeh Rasuah, Kastam, Imigeresen, Kebajikan 'Am, Penerangan, Pelajaran dan Kesihatan. Oleh kerana masa'aloh khas mengenai kegunaan madat yang melibatkan murid², satu ranchangan

perchubaaan sedang di-jalankan di-sekolah² di-Negeri Selangor. Ranchangan ini di-teruskan oleh Jawatan-kuasa perengkat Negeri Selangor yang di-ketuai oleh Ketua Pegawai Pelajaran Selangor. Ranchangan ini termasuklah langkah² saperti di-bawah ini:

- (i) Mengesan pematat² dengan se-berapa awal yang boleh;
- (ii) Mengesan puncha² perbekalan madat;
- (iii) Memberi pengajaran kepada murid², ibu-bapa², guru² dan orang² awam mengenai bahaya madat jika di-salah gunakan; dan
- (iv) Pemulehan murid yang telah menjadi pematat².

Yunit² Rawatan Pematat juga sedang di-ranchangkan di-Hospital² di-Kuala Lumpur dan di-Kelang untok merawat mereka² yang terlibat di-dalam kegunaan madat. Sa-lain daripada ranchangan khas ini, pematat² ada juga di-rawati di-beberapa hospital².

Untok ma'aloman Ahli Yang Berhormat juga Kerajaan pada waktu ini sudah pun berchadang mengadakan satu Biro untok menchegeh madat di-bawah jagaan Yang Berhormat Peguam Negara.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa pendapat Menteri yang berkenaan berhubong dengan malapetaka menghisap madat yang merbahaya dalam negara kita ini. Ada-kah kurang atau bertambah sa-makin hari.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, di-sebabkan keadaan ini nampak-nya sa-makin burok, kita akan mengadakan satu Biro di-bawah jagaan Yang Berhormat Peguam Negara untok menchari jalan menchegeh pematat² itu.

PUSAT PEMBANGUNAN DAN LATEHAN TERNAKAN KLUANG

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) bila-kah Pusat Pembangunan dan Latehan Ternakan di-Kluang akan siap; dan
- (b) apa-kah jenis kursus yang akan di-jalankan di-pusat ini dan siapa pula peserta²-nya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris):

- (a) Pelan² mengenai Pusat Pembangunan dan Latehan Ternakan di-Kluang hampir siap dan ada-lah di-jangka bahawa tawaran² mengenai ranchangan ini akan dapat di-panggil oleh Jabatan Kerja Raya Johor tidak lama lagi. Ranchangan ini di-jangka akan dapat di-siapkan pada penghujung tahun hadapan.
- (b) Kursus² di-Pusat Pembangunan dan Ternakan Kluang ada-lah untuk latehan Pembantu² Urusan Haiwan seluruh Malaysia dan juga untuk lain² Pegawai yang sedang berkhidmat.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa chara menternak binatang² oleh peladang² kita dalam negeri ini banyak mengikut chara tradisi lama. Apa-kah langkah Kerajaan hendak memodenkan penternak² supaya sesuai dengan zaman sains dan teknologi ini.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa banyak penternak² lembu di-negeri kita maseh mengikut tradisi lama ia-itu memelihara satu dua ekor bagi satu keluarga dan membiarkan lembu dan kerbau itu lepas dengan tidak di-pelihara dengan sempurna. Dengan sebab itu-lah sekarang Kerajaan dan Kementerian ini sedang berusaha untuk membuka lebih banyak lagi Pusat² Penternakan sa-umpama di-Perak, Negri Sembilan, Johor, Pahang, Trengganu dan juga di-Sarawak dan di-Sabah. Ada-lah juga di-harapkan Pusat² Penternakan itu akan dapat membekalkan daging kalau pun tidak chukup, hampir chukup bagi Malaysia ini. Tetapi ada-lah juga tidak akan mungkin kita hendak menghapuskan langsung keadaan tradisi lama dengan memelihara lembu² dan kerbau mengikut keadaan sekarang ini. Kerana dengan chara itu juga boleh mendatangkan penghasilan, atau menambahkan mata pencharian ra'ayat di-kampong². Kalau sa-kira-nya keadaan pemeliharaan yang betul dan juga dapat di-pelihara dengan keadaan mengikut nasehat pegawai² yang berkenaan.

KONTREKTOR² MEMBOLOT PEMBEKALAN MAKANAN

15. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Pertahanan menyatakan nama² kontrektor yang membolot pembekalan makanan kepada tentera dan lain² angkatan bersenjata kita di-seluruh negara, dan jika kontrektor ini bukan orang² Melayu bolehkah Kerajaan membuat peratoran supaya kontretek ini di-beri kepada orang² Melayu sesuai dengan dasar ekonomi baru Kerajaan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddin Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah benar jika di-katakan ada berlaku monopoli atau pembolotan dalam pembekalan barang² makan kepada Angkatan Tentera kerana tender² untuk membekalkan barang² makanan itu di-tawarkan sa-chara terbuka dari semasa ka-semasa. Malah ramai pemborong² yang membekalkan barang² makanan untuk Angkatan Tentera itu.

Tawaran² bagi membekalkan barang² makanan itu ada-lah di-buka kepada semua pemborong² di-dalam negeri ini. Namun demikian, ada beberapa jenis barang² makanan yang tertentu yang mana pengeluaran dan pembekalan-nya itu memerlukan kepada modal yang agak besar dan organisasi yang kemas serta kemudahan² pemasaran yang lengkap. Dalam lapangan ini pemborong² bumiputra belum lagi berjaya merebut tender² yang di-tawarkan. Setakat ini pemborong² yang berjaya memenangi kontrek² untuk membekalkan barang² makanan tersebut kepada Angkatan Tentera ada-lah seperti berikut:

- (a) Thong Pak Fook Cp. Sdn. Berhad untuk makanan mentah kering bagi kawasan Malaysia Barat;
- (b) Tang Chong & Co. Sdn. Berhad untuk makanan mentah basah bagi kawasan Malaysia Barat;
- (c) Teck Leong Co. untuk makanan mentah basah dan kering bagi kawasan Sabah;
- (d) William & Co. untuk makanan mentah basah dan kering bagi kawasan Sarawak;
- (e) Tan Chong & Co. Sdn. Bhd. untuk makanan dalam kapal terbang bagi kawasan Malaysia Barat;

- (f) Sharikat Sarawak Bakery & Confectionary Factory untuk makanan dalam kapalterbang bagi Kuching, Sarawak;
- (g) Teck Leong Cold Storage untuk makanan dalam kapalterbang bagi Labuan, Sabah.

Kebanyakan kontrek² yang tersebut di-atas itu di-buat pada tahun 1969 dan 1971 bagi jangka masa sa-tahun, dua atau tiga tahun.

Untuk membekalkan makanan² dalam tin, tender² di-tawarkan kepada semua pengilang² makanan dalam tin di-dalam negeri.

Pembekalan makanan² seperti gula, minyak kelapa, jem, susu, teh, kopi dan umpama-nya, ada-lah di-buat sa-chara kontrek pusat oleh pehak Perbendaharaan.

Sa-lain daripada pemborong² yang telah saya sebutkan itu, ada juga beberapa sharikat bumiputra yang telah di-berikan kontrek² untuk membekalkan barang² makanan yang tertentu untuk Angkatan Tentera. Mereka itu ia-lah:

- (a) Pernas Trading Sdn. Bhd. membekalkan—
- (i) Biskut Tawar,
 - (ii) Minyak Sapi,
 - (iii) Garam;
- (b) Sharikat Mawar Sdn. Berhad membekalkan roti;
- (c) Kilang Nenas Tanah Melayu membekalkan nenas dalam tin;
- (d) Security Baggage & Transportation Sdn. Bhd. membekalkan tepong gandum;
- (e) Sharikat Seri Pendapat membekalkan—
- (i) Kichap Tomato,
 - (ii) Sambal Tumis Ikan Bilis;
- (f) Senama Sdn. Bhd. membekalkan—
- (i) Serbok Koko,
 - (ii) Susu pekat;
- (g) Sharikat Perusahaan Adnan & Ahmad membekalkan gula;
- (h) Sharikat Ahmad Safuan Sdn. Bhd. membekalkan—
- (i) Teh,
 - (ii) Kopi;

- (i) Sharikat Jaya Sama membekalkan kacang proses.

MENEBAK POKOK² DI-RANCHANGAN L.K.T.P.

16. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada kerja² permulaan di-ranchangan² L.K.T.P. seperti menebang pokok² dan membersehhkan hutan² yang biasa-nya di-kerjakan oleh kontrektor² yang bukan orang² Melayu, boleh di-selenggarakan oleh pemohon² yang berjaya atau bakal² peneroka supaya mereka boleh menyesuaikan diri mereka dengan ranchangan² L.K.T.P. ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, pengalaman Lembaga pada masa² yang sudah telah membuktikan walau pun peserta² boleh membuat kerja² menebang dan membersehhkan hutan, tetapi pada am-nya tidak dapat mencapai kejayaan yang memuaskan dari segi mutu dan kemajuan kerja. Keadaan ini selalu menimbulkan masa'alah organasasi sa-lain daripada mendatangkan mutu pertanian yang kurang dan ini mengakibatkan pendapatan yang tidak memuaskan. Oleh kerana Kerajaan telah mengutamakan pembukaan tanah sa-chara besar²an, tidak-lah menasabah peserta² di-gunakan untuk menjalankan kerja² menebang dan membersehhkan hutan itu.

BIASISWA²/DERMASISWA² KAPADA BUMIPUTRA²

17. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada Kerajaan akan menimbang memberi biasiswa² atau dermasiswa² kepada semua bumiputra yang telah mendapat tempat² di universiti² di-Malaysia; jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berchadang untuk memberi biasiswa² atau dermasiswa² kepada semua bumiputra² yang telah mendapat tempat di-universiti² di-Malaysia. Tujuan Kerajaan mengeluarkan biasiswa atau dermasiswa ia-lah terutama-nya untuk memenohi keperluan Kerajaan sendiri dari segi tenaga² pentadbir dan professional yang di-perlukan daripada sa-tahun ka-satahun.

Pemberian ini berasaskan kepada kelayakan akademik sa-sorang calon ini. Pemberian dermasiswa ada-lah bergantung kepada kemampuan ibubapa mahasiswa² itu sendiri. Walau bagaimana pun semua pemberian biasiswa dan dermasiswa ada-lah bergantung kepada peruntukan kewangan yang di-buat pada tiap² tahun. Bagi penuntut² bumiputra yang mendapat tempat di-universiti² ada beberapa saluran lain yang di-sediakan bagi mereka untuk memohon biasiswa dan dermasiswa seperti yang dikeluarkan oleh Kerajaan² Negeri, MARA dan berbagai Yayasan² yang lain.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar pada tiap² tahun ada beberapa orang mahasiswa² di-universiti² kita mendapat tempat di-universiti² tersebut, tetapi malangnya tidak mendapat biasiswa atau dermasiswa daripada Kerajaan Perikatan. Oleh hal yang demikian, mereka memohon bantuan daripada MARA atau sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran itu ia-lah berhabit dengan Kerajaan Negeri, tetapi malangnya bantuan yang di-berikan kepada mereka tidak menchukopi, umpama-nya MARA beri \$200 sa-tahun atau ada Kerajaan Negeri memberi \$200, kadang² \$100 pun ada sa-tahun. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar bantuan wang tersebut langsung tidak menchukopi. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Pusat perlu memberikan biasiswa atau dermasiswa kepada semua bumiputra yang mendapat tempat di-universiti² di-tanah ayer kita.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Ahli Yang Berhormat supaya menunjukkan kepada saya yang MARA memberikan bantuan \$200 sa-tahun bagi sa-orang penuntut di-universiti.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberitahu kepada Menteri yang berkenaan bahawa MARA ada memberi bantuan atau pinjaman kepada bumiputra sahaja, bahkan kepada orang yang bukan bumiputra, tetapi malangnya wang itu langsung tidak menchukopi.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya harap beliau memberikan

jawapan yang tepat, berikan nama orang yang mendapat biasiswa \$200 sa-tahun.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh siasat surat² yang saya terima daripada mereka dan menyampaikan surat itu kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister aware of the abuse in the award of scholarships to Malay students in the University, in that able Malays frequently do not obtain scholarships in the university but a lot of duds, who have got no business to be there but because of their influence or their father's influence, manage to get the scholarships, but the able ones do not get these scholarships either in the university here or overseas in England or Australia. Is the Minister aware of this unhappy state of affairs and, if he is, when does he propose to overcome this problem?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kerana MARA juga ada memberi scholarship, saya suka Ahli Yang Berhormat tunjukkan contoh orang yang cherdek ta' dapat scholarship; orang yang bodoh dapat scholarship dan orang bodoh biasa-nya ta' dapat masuk ka-universiti pun.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau Menteri yang berkenaan boleh memberikan kerjasama kepada pehak di-sini, kita boleh buat satu penyiasatan di-dalam universiti dan di-MARA dan di-tempat² yang lain dan kita boleh dapat tahu, ada-kah hakikat ini ada atau pun tidak ada.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini tidak ada, tetapi beliau telah membuat tuduhan mengatakan yang cherdek ta' dapat dan yang bodoh dapat, dan apabila saya chabar, dia minta senarai, baharu hendak di-siasat. Ini menunjukkan Ahli Yang Berhormat tidak ada bukti yang terang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu kepada Menteri yang berkenaan bahawa saya bukan menuduh mahasiswa² yang mendapat bantuan daripada pehak MARA ia-lah mahasiswa yang bodoh, saya tidak menuduh bagitu, tetapi saya hendak

memberitahu kepada Menteri yang berkenaan daripada masa yang lalu ada beberapa orang mahasiswa² yang menchapai chuma 15 point atau 16 point ada di-beri bantuan daripada MARA. Tetapi malangnya orang yang mendapat 20 point lebeh tidak berjaya mendapat bantuan daripada MARA. Oleh hal yang demikian, boleh-kah Menteri yang berkenaan menyiasat perkara ini dan beri bantuan kepada mahasiswa² yang taraf pelajaran-nya lebeh tinggi daripada orang yang mendapat 15 atau 16 point.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sa-lama ini saya tidak menerima apa² komplon yang sa-rupa saperti ini dan mungkin orang² yang cherdek tidak di-beri biasiswa, kerana ibu bapa mereka mampu untuk menanggung anak mereka masing².

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Ada-kah Kementerian yang bertanggung-jawab yang mengeluarkan biasiswa kepada penuntut² yang hendak melanjutkan pelajaran mereka ka-universiti di-dalam negeri ini atau ka-luar negeri tahu bahawa pegawai² yang menemu-duga penuntut² yang datang itu ada kala-nya di-temuduga itu dengan sambil lewa.

Tuan Yang di-Pertua: Temuduga bagaimana?

Tuan Hashim bin Gera: Temuduga sambil lewa. Sambil lewa itu kata orang Perak—hendak ta' hendak sahaja (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, ini cherita benar, sa-orang penuntut dari Maktab Melayu Kuala Kangsar dia mendapat Sijil Pertama dan dia telah pun pergi ka-luar negeri belajar sa-lama sa-tahun dan telah lulus dalam sekolah menengah di-Amerika. Bila dia balek belajar di-sini dalam Tingkatan VI dan masok dalam peperiksaan dia menghantarkan satu borang permohonan biasiswa kepada Kerajaan Federal. Kemudian dia telah di-panggil untuk di-temuduga. Pergi-lah si-penuntut ini ka-Bangunan U.M.B.C. Apabila tiba waktu temuduga, di-tunggu²-nya ta' ada dia kena panggil. Kawan dia lepas sa-orang, sa-orang; lepas sa-orang, sa-orang. Akhir-nya sampai petang dan pun berjumpa dengan ketua yang menemuduga itu: Mengapa saya ta' di-panggil, Enche'? Saya hendak di-temuduga hari ini meminta scholarship. Kata ketua itu: Kamu bukan hari ini, besok. Maka jawab penuntut itu: Tidak Enche',

hari ini, dan ketua itu pun bertanya: Mana surat? Penuntut itu pun keluarkan surat. Bila sudah di-keluarkan surat, ketua itu pun berkata: Oh! ya hari ini. Sudah-lah dan balek-lah! Maka balek-lah hamba Allah ini. Apabila dia mendapat keputusan peperiksaan H.S.C., pergi-lah dia ka-tempat bangunan itu sa-mula. Penuntut itu pun bertanya: Ada-kah saya ini mendapat biasiswa, Enche'? Orang itu pun buka senarai dan berkata: Ta' ada nama kamu di-dalam senarai ini, kalau kamu hendak, minta-lah dan ta' ada-lah dia mendapat biasiswa Kerajaan Federal.

Jadi, ini-lah saya memberitahu pehak yang berkenaan akan perkara ini jangan-lah berlaku lain kali.

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak beritahu-kah, atau bertanya soalan (*Ketawa*). Saya sangkakan hendak bertanya soalan tambahan, tetapi nampak-nya memberitahu ka-semua-nya.

Tuan Hashim bin Gera: Saya hendak memberitahu dan minta-lah bagi pehak yang bertanggung-jawab mengambil perhatian adakah beliau tahu perkara ini berlaku atau pun tidak.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat memberitahu siapa-kah chalun itu, boleh-lah kita selideki dan boleh kita beritahu kelak apa kedudukan yang sa-benar-nya. Tetapi kalau hendak berchakap panjang, ini saya rasa membuang masa di-sini sahaja.

Tuan Hashim bin Gera: Untuk hendak menjawab!

Tuan Yang di-Pertua: Menjawab?

Tuan Hashim bin Gera: Untuk hendak menyoal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang menjawab ada-lah pehak yang di-sabelah sini! (*Ketawa*).

Tuan Hashim bin Gera: Untuk hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran itu boleh-lah saya memberitahu nama penuntut itu, tetapi tidak-lah

perlu lagi di-beri dia biasiswa sebab ada sa-buah swasta telah memberikan dia derma pelajaran sa-banyak \$2,500 sa-tahun. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberi jaminan kepada Dewan ini jika di-masa akan datang atau tahun ini juga, kalau sa-kira-nya ada sa-saorang mahasiswa dapat tempat di-universiti² kita, tetapi malang-nya tidak dapat biasiswa atau pun dermasiswa dan sa-kira-nya kursus yang hendak ambil itu sesuai untuk pendapat Kerajaan, beliau boleh di-beri biasiswa atau dermasiswa.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi bahawa pemberian biasiswa daripada pehak Kerajaan ini ada-lah untuk memenuhi keperluan Kerajaan sendiri, jadi tiap² tahun biasiswa yang hendak di-keluarkan itu ada-lah di-iklankan ia-itu sa-siapa sahaja yang ada kelayakan boleh memohon. Ini mengikut kelayakan masing² dan Kerajaan tidak boleh menjamin bahawa semua yang mendapat tempat di-universiti itu mesti di-beri biasiswa. Kalau semua sa-kali mahasiswa Melayu hendak di-beri biasiswa, saya hendak bertanya pula kepada Ahli Yang Berhormat, bagaimana-kah kedudukan mahasiswa yang bukan Melayu?

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 18 hingga 46 ada-lah di-beri di-bawah ini).

PENDUDOK² KAMPONG² BAHARU— PEMBERIAN TANAH SEWA

18. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Tugas² Khas menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penduduk² di-Kampong² Baru di-Malaysia Barat tidak mempunyai tanah sewa seperti sewa 30 tahun di-Perak, sewa 60 tahun di-Selangor, Trengganu dan Pahang dan sewa 99 tahun di-Johor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang; jika ya, sama ada beliau akan menimbang membolehkan tanah sewa 99 tahun di-berikan kepada mereka.

Menteri Tugas² Khas (Dr Lim Keng Yaik): Soalan ini kurang jelas. Sa-kira-nya Yang Berhormat Wakil Kawasan Bruas

bermaksud untuk mendapat penjelasan berhubung pajakan tanah di-Kampong² Baharu maka ada-lah di-sahkan bahawa ada lot² lah di-sahkan bahawa ada lot² yang belum yang belum lagi di-beri pajakan.

Pengeluaran milek tanah, sama ada milekan kekal atau pun pajakan, ada-lah di-dalam bidang kuasa Kerajaan² Negeri yang berkenaan. Sunggoh pun demikian Kerajaan² Negeri telah di-pinta untuk menimbangkan tempoh pajakan yang berpatutan.

(Dengan izin) The question is not quite clear. If it is the intention of the Honourable Member for Bruas to seek clarification with regard to the issue of leases, it is confirmed that there are some lots in New Villages over which no leases have been issued yet.

Alienation of land either on the title in perpetuity or lease is within the power of the respective State Governments. However, State Governments have been requested to consider giving them a reasonable period of leases.

KELAKUAN AKHLAK—MENCHEGAH KELAKUAN² SUMBANG

19. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengadakan suatu undang² tentang kelakuan akhlak, dan
- (b) ada-kah Kerajaan berchadang hendak menubuhkan suatu pasokan polis tambahan yang bertanggung-jawab khususnya mencheгах kelakuan² sumbang di-khalayak ramai.

Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim):

- (a) Perbahaasan "kelakuan akhlak" adalah mempunyai erti yang amat luas dan ada berbagai² darjah kelakuan akhlak. Jika soalan ini di-maksudkan kepada kelakuan tidak senonoh atau tidak sopan kita telah sedia ada undang² berhubung dengan-nya, mithal-nya mengikut Bab XIV dalam Kanun Keseksaan dan sekshen 21 dalam

Ordinan Kesalahan² Kechil, 1955, adalah suatu kesalahan bagi sa-siapa jua melakukan kesalahan bagi luchia di-mana² tempat awam atau menyuarakan apa² nyanyian luchia atau berkelakuan tidak sopan di-mana² tempat awam atau mengajak² orang di-mana² tempat awam bagi maksud luchia.

- (b) Semua peruntokan yang tersebut diatas itu telah wujud bagi beberapa tahun yang lampau dan tetah di-kuatkuasakan oleh pasokan Polis di-bawah sekshen 20 Akta Polis, 1967 dengan kuasa menangkap orang² yang melakukan kesalahan² itu. Oleh yang demikian pasokan Polis tambahan tidaklah perlu bagi maksud ini.

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN— PENYUSUNAN SA-MULA SISTEM PEPEREKSAAN

20. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa Kerajaan berchadang hendak menyusun sa-mula sistem Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan dengan membenarkan tiga mata pelajaran perinsipal di-dalam aliran Melayu dan empat mata pelajaran perinsipal di-dalam aliran Inggeris untuk mendapat sijil; jika ya, nyatakan tujuan Kerajaan berbuat demikian; dan
- (b) sama ada Kerajaan berchadang hendak memutuskan hubungan dengan Lembaga Peperiksaan Cambridge memandangkan ada-nya Lembaga Peperiksaan kita sendiri.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn):

- (a) Penyusunan sa-mula sistem Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan tidak perlu.

Mengenai perkara yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya rasa ia ada hubungan dengan keputusan pehak Lembaga Peperiksaan Cambridge apabila menimbangkan permohonan daripada Kementerian Pelajaran untuk memulakan Kertas Am dalam Bahasa Malaysia. Menurut keputusan Cambridge, Kertas Am ini boleh di-ambil oleh chalun² aliran Kebangsaan dalam Bahasa Malaysia dengan

sharat mereka mengambil kertas mata pelajaran English Usage, sa-bagai mata pelajaran menggantikan satu mata pelajaran di-perengkat principal yang lain. Keputusan ini berarti bahawa chalun² Sijil Tinggi Persekolahan aliran Kebangsaan hanya boleh mengambil 3 mata pelajaran di-perengkat principal sahaja selain daripada English Usage.

Kementerian Pelajaran telah membantah keputusan pehak Lembaga Peperiksaan Cambridge ini dengan jaya-nya. Dengan bantahan ini pehak Lembaga Peperiksaan Cambridge telah bersetuju untuk membolehkan chalun² aliran Kebangsaan mengambil 4 mata pelajaran di-perengkat principal dengan Kertas Am dalam Bahasa Malaysia mengenai mata pelajaran ini. English Usage di-jadikan sabagai satu mata pelajaran optional (*tidak di-wajibkan*).

- (b) Kementerian Pelajaran ada rancangan untuk mengendalikan peperiksaan² S.P.M./M.C.E. dan S.T.P. di-dalam negeri. Mengenai Peperiksaan S.R.P./L.C.E., perkara ini telah pun di-sempurnakan. Mengenai pengendalian peperiksaan S.P.M./M.C.E., perkara ini sedang di-laksanakan melalui berbagai perengkat. Mengenai peperiksaan S.T.P., perkara ini sedang di-dalam kajian.

LAPANGAN² TERBANG DI- SARAWAK—MEMPERBAIKI

21. Tuan Luhut Wan minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau akan:

- (a) menambak permukaan Lapangan Terbang Marudi;
- (b) menabor bituman dan menambak permukaan Lapangan Terbang Bario; dan
- (c) membaiki lapangan² terbang luar bandar di-tempat² berikut:
- (i) Ramudu
 - (ii) Long Bunga
 - (iii) Long Lellang
 - (iv) Pak Tik dan
 - (v) Long Akah

dalam Daerah Baram, Sarawak.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):

- (a) Kerja² untuk menambakkan lapangan terbang Marudi untuk menjadikan-nya lapangan terbang yang dapat menerima kapalterbang² di-dalam segala keadaan chuacha, sedang di-selenggarakan. Kerja² ini di-jangka akan siap pada pertengahan tahun 1973.
- (b) Perkara ini sedang di-dalam penyiasatan oleh pehak Jabatan Kerja Raya.
- (c) Penyiasatan sedang di-jalankan oleh pehak Jabatan Kerja Raya untuk memperbaiki lapangan² terbang tersebut.

BELIA—USAHA² MENGHAPUSKAN

22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan usaha² Kerajaan untuk menghapuskan penganggoran di-kalangan belia seperti memberi pertolongan dalam bidang kerja sendiri supaya mereka boleh berdikari.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun menjalankan beberapa usaha memberi pertolongan kepada belia² dalam bidang kerja sendiri supaya mereka² ini boleh berdikari. Usaha² ini tidak saja melibatkan belia² yang mendapat latihan dari Dusun Tua tetapi jua belia² lain pada umum-nya.

Beberapa buah "yunit" pengeluaran telah di-tubuhkan bagi membantu belia lepasan Dusun Tua bekerja sendiri di-bidang² pengeluaran kerusi meja dan pakaian.

Kementerian juga sedang menjalankan pengambilan 4 orang guru ilmu perniagaan membimbing belia² di-Angkatan Belia Pelopor Negara bagi membuka perniagaan sendiri.

Kementerian ini juga membantu belia² untuk membuat permohonan mendapatkan pinjaman dari badan² tertentu bagi menjalankan perniagaan² mereka. Pehak² Swasta yang tertentu telah juga membuat persetujuan dengan Kementerian ini bagi menjayakan usaha ini.

Sa-lain daripada itu Kementerian ini jua terus menggalakkan belia² membuka perniagaan atau lain² usaha sendiri serta penubuhan Sharikat² Kerjasama.

ADUAN 21-12-1971—PENYIASATAN

23. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa lama lagi-kah beliau mahu bertangguh untuk menyiasat suatu aduan bertarikh 21hb Disember, 1971 dan akui penerimaan-nya pada 10hb Januari, 1972;
- (b) apa-kah sebab kelewatan itu; dan
- (c) ada-kah satu siasatan akan di-buat dalam hal ini.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Penyiasatan telah pun di-jalankan dan selesai pada bulan Februari 1972. Dukachita oleh kerana kekeliruan satu jawapan yang lebeh awal telah tidak di-kemukakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang. Kenyataan² tuan ada-lah tidak benar dan penyiasatan tidak akan di-jalankan mengenai perkara ini. Walau bagaimana pun jawapan saya telah pun di-hantar kepada Ahli Yang Berhormat pada 3hb Mei, 1972.

JURURAWAT² MALAYSIA DI-LUAR NEGERI—RAYUAN

24. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa orang jururawat² kita yang ada di-luar negeri yang telah menyahut rayuan untuk pulang ka-tanah ayer untuk berkhidmat dengan Kerajaan; dan
- (b) ada-kah Kerajaan pernah mengkaji sebab² mereka tidak mahu pulang; dan jika demikian, nyatakan sebab²-nya.

Tuan Lee Siok Yew:

- (a) Kementerian Kesihatan telah menghantar Ketua Penyelia Jururawat ka-United Kingdom menemui dan meminta mereka² ini supaya kembali dan berkhidmat di-Malaysia. Beliau baharu sahaja pulang dan laporan-nya akan di-kaji.
- (b) Jururawat² di-United Kingdom itu bukan di-kekelolakan oleh Kerajaan dan Kerajaan belum dapat mengkaji sebab² mereka tidak mahu pulang ka-tanah ayer-nya.

HOSPITAL DAERAH TAPAH— MENAMBAHKAN DOKTOR

25. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan masalah menghantar sa-orang doktor lagi ka-Hospital Daerah, Tapah, memandangkan bertambahnya bilangan pesakit² di-hospital itu.

Tuan Lee Siok Yew: Rekod² hospital telah menunjukkan bahawa pesakit² di-Hospital Daerah Tapah tidak bertambah. Walau bagaimana pun, saya akan menimbangkan untuk menempatkan sa-orang lagi doktor ka-Hospital Daerah, Tapah, apabila lebeh ramai doktor² di-perolehi.

KERETAPI EXPRESS KEMEWAHAN

26. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada rancangan² untuk menjalankan perkhidmatan "Keretapi Express Kemewahan" di-antara Singapura dengan Seberang Prai sedang di-uruskan, dan jika ya, berikan sebab² di-adakan perkhidmatan seperti itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kajian telah di-buat mengenai keretapi express kemewahan. Terbit dari kajian itu maka keputusan telah di-buat bagi menangguhkan projek ini buat sementara waktu. Projek ini akan di-kaji semula pada masa yang lebeh sesuai.

SHARIKAT² BAS—MENINGGIKAN MUTU PERKHIDMATAN

27. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sa-tengah bas selalu rosak di-tengah² jalan menyebabkan lalu lintas tersekat dan menyusahkan penumpang², dan jika sedar, sama ada pehak berkuasa akan mengambil tindakan supaya sharikat² bas meninggikan mutu perkhidmatan-nya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Jabatan Pengangkutan Jalan ada memeriksa semua bas tiap² enam bulan sekali sa-belum bas² itu di-benarkan untuk di-gunakan di-atas jalan raya. Mungkin ada juga bas² yang telah di-pereksa dan di-benarkan untuk di-gunakan di-atas jalan raya mendapati kerosakan sa-belum tarikh pemeriksaan semula. Sekira-nya Jabatan Pengangkutan Jalan mendapati atau menerima aduan bahawa bas² yang demikian itu selalu rosak sa-waktu men-

jalankan perkhidmatan-nya maka Jabatan itu mengikut kuasa yang di-beri kapada-nya akan bertindak memanggil bas² itu untuk di-pereksa sekali lagi. Kementerian ini juga memang-lah selalu memberikan nasehat² kapada semua sharikat² bas supaya meninggikan mutu perkhidmatan bas mereka.

PULAU PINANG DAN TANAH BESAR—PEMBENAAN JAMBATAN

28. Dr Chen Mah Hin minta Menteri Perhubungan memberi laporan kajian kemungkinan membena jambatan atau tunnel di-antara Pulau Pinang dengan tanah besar.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Dalam menjawab soalan ini saya suka membuat rojokan kapada jawapan saya dalam Dewan yang mulia ini pada 19-5-1972 berthabit dengan soalan lain yang menyentoh perkara yang serupa. Ada empat jenis perhubungan yang boleh di-pilih bagi menghubungkan Pulau Pinang dengan Tanah Besar Malaysia Barat ia-itu jambatan (bridge) jabanah (tunnel), gabungan jambatan/tambak (bridge and causeway) dan gabungan jabanah/tambak (tunnel and causeway).

Untuk menentukan pilihan yang sesuai, Kerajaan telah mengkaji laporan Sharikat Perunding yang di-undangan membuat kajian atas kemungkinan pembenaan projek ini. Hasil daripada kajian dan rundingan yang di-buat antara Kerajaan dan Sharikat Perunding ini, di-dapati perhubungan sa-chara jambatan (bridge) ada-lah lebeh sesuai menilik kapada beberapa aspek seperti kos rekabentuk dan pengawasan (engineering design and supervision) kos benaan, kos penyenggaraan dan kemudahan untuk di-buat apa² perubahan bagi memenohi keperluan tambahan lalu lintas kelak.

BUKIT PINANG— PEMBENAAN JALAN

29. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sama ada Kerajaan berchadang membena suatu jalan menuju ka-Bukit Pinang untuk meng-exploit keupayaan (potential) pelanchongan Pulau Pinang, jika ya, nyatakan tarikh projek itu akan di-mulakan dan tarikh projek itu dapat di-siapkan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, suka-lah saya

menyatakan bahawa projek ini ada-lah sa-buah projek Kerajaan Negeri.

Kerja² pengambilan tanah untuk reserb jalan telah di-mulakan pada tahun 1962 dan kerja² untuk meneroka jalan permulaan (pilot track) telah di-jalankan dalam tahun 1963. Sa-hingga hari ini sa-jauh 2½ batu telah pun siap. Jumlah perbelanjaan bagi kerja² pengambilan sa-mula tanah ini berjumlah \$502,000 dan maseh ada lagi sa-bahagian tanah yang berharga kira² \$50,000 akan di-ambil sa-mula. Ada-lah di-anggarkan jumlah perbelanjaan pembenaan jalan ka-Bukit Pinang ini ia-lah kira² \$4,500,000 dan Kerajaan Negeri sedang chuba menyediakan per-untukan-nya.

PENDUDOK KAMPONG² BARU— HAKMILEK TANAH

30. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Tugas² Khas menyatakan jumlah² pendudok kampung² baru yang (i) tidak mempuyai hak milek tanah (ii) yang mempunyai hak milek tanah untuk 20 tahun (iii) yang mempunyai hak milek tanah untuk 33 tahun (iv) yang mempunyai hak milek tanah untuk 66 tahun; dan (v) yang mempunyai hak milek tanah untuk 99 tahun.

Dr Lim Keng Yaik: Yang Berhormat Wakil Kawasan Bandar Melaka ada-lah di-ma'alumkan bahawa tiada Kerajaan Negeri yang telah mengeluarkan pajakan tanah di-kampung² baru bagi tempoh 20, 33 dan 66 tahun.

Kerajaan² Negeri hanya mengeluarkan pajakan bagi tempoh 21, 25, 30, 60, 70 dan 99 tahun tetapi saya tidak mempunyai rekod berhubung bilangan pajakan yang telah di-keluarkan oleh Kerajaan² Negeri yang berkenaan dan demikian juga bilangan pendu-dok² kampung baru yang belum lagi mem-punyai Surat Milek tanah.

(Dengan izin) I would like to inform the Honourable Member for Bandar Melaka that no State Government had issued leases of land in new villages for 20, 33 and 66 years.

State Governments have only given leases for 21, 25, 30, 60, 70 and 99 years but I have no record of the number of leases given by the respective State Governments and also the number of new villagers who have not yet been given land titles.

SHARIKAT DAISHOWA PAPER MANUFACTURING—PEMBATALAN PROJEK

31. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa-kah Daishowa Paper Manufacturing Company telah menarek diri dari projek balak bersama yang bernilai \$20 juta dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Trengganu di-Dungun—suatu projek yang mustahak di-bawah Rancangan Malaysia Kedua yang bertujuan mengujud-kan 2,300 pekerjaan—dan bertujuan men-jadi pusat kayu-kayan di-Trengganu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Sebab yang utama yang di-berikan oleh sharikat Daishowa Paper Manufacturing membatalkan projek kayu-kayan bernilai \$20 juta di-Dungun, Trengganu, ia-lah kerana kesulitan yang di-hadapi-nya akibat daripada penilaian sa-mula mata wang Yen Jepun dalam bulan Disember, 1971 dahulu dan juga oleh kerana penilaian sa-mula mata wang Amerika Sharikat baru² ini. Dari satu segi, penilaian sa-mula mata wang Yen Jepun telah menyebabkan pengeksesotan barang² jenis kertas dan “pulp” negeri itu bertambah mahal harga-nya dan, dari segi yang lain, tindakan tersebut menyebabkan barang² yang sama dari negeri² lain dapat masok ka-negeri Jepun dengan lebeh murah; umpama-nya barang² jenis kertas dan “pulp” dari negeri Kanada telah boleh sekarang di-jual di-negeri Jepun di-perengkat harga yang lebeh murah daripada barang² keluaran negeri Jepun sendiri.

Lain² sebab yang di-berikan oleh sharikat Daishowa ada-lah seperti berikut:

- (i) Oleh kerana keadaan “recession” yang di-alami oleh kesemua negara per-usahaan di-dunia ini, permintaan (demand) ka-atas kayu balak dan lain² barang di-perbuat daripada kayu telah menurun dengan chepat-nya. Peng-gunaan barang² dari kertas di-negeri Jepun bagi tahun 1971 telah tidak berubah berbanding dengan tahun 1970.
- (ii) Perusahaan² kayu balak dan barang² yang berasaskan bahan² kayu di-negeri Jepun telah berkembang melebihi jumlah permintaan bagi barang² tersebut sa-banyak kira² 20%. Kesan daripada pengeluaran yang

berlembah dan pengurangan dalam permintaan dalam negeri telah menyebabkan sharikat tersebut mengambil keputusan untuk mengurangkan jumlah pengeluarannya sa-chara sukarela sa-banyak 30%.

(iii) Kechemaran udara di-negeri Jepun telah sampai ka-satu peringkat yang genting dan terdapat tekanan politik yang semakin kuat ka-atas pehak perindustrian supaya mengurangkan kechemaran alam keliling dengan memasang alat² menchegeh kechemaran. Ada-lah di-anggarkan bagi keseluruh perusahaan balak dan perusahaan² yang berasaskan bahan² kayu, wang sa-jumlah kira² AS\$100 juta perlu-lah di-perbelanjakan di-akhir tahun 1972 untuk langkah² menchegeh kechemaran berbanding dengan AS\$33 juta dalam tahun 1971. Jumlah ini ada-lah merupakan kira² 20% daripada jumlah pelaburan di-dalam loji² dan kemudahan² di-dalam perindustrian kertas dan “pulp” Jepun. Ini telah membawa kapada tekanan yang banyak ka-atas bahan² (resources) negara itu dan Daishowa terutama-nya, dan telah meletakkan had kapada perkembangan-nya di-dalam beberapa hal.

(iv) Oleh kerana timbul-nya keadaan kemelesetan ekonomi yang mengejut yang di-alami oleh perusahaan Jepun, keseluruhan-nya, perusahaan kertas dan “pulp” Jepun terutama-nya telah mengalami kerugian yang banyak dalam tahun 1971. Pakar² perusahaan dan juga kalangan kewangan telah menaksirkan bahawa kemelesetan ekonomi ini akan berterusan sekurang²-nya sa-lama tiga tahun sa-belum pemulahan-nya dapat di-jangkakan.

Di-sebabkan paktor² yang di-nyatakan tadi, Daishowa telah di-nasehatkan dengan kuat-nya oleh kalangan bank di-Jepun supaya memperkuatkan kegiatan-nya yang sedia ada sekarang ini daripada memasoki ka-dalam bidang² kegiatan yang baru. Oleh kerana itu, Sharikat ini telah membuat keputusan untuk menarek diri daripada projek bersama yang di-chadangkan itu di-Dungun sunggoh pun kesemua perjanjian² berhubung dengan perlaksanaan projek tersebut telah di-siapkan.

KELAS² TINGKATAN VI DI-KLUANG—MENGADAKAN

32. Tuan Tiah Eng Bee minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penuntut² di-Kluang yang ingin memasoki Tingkatan VI terpaksa pergi ka-tempat² lain saperti Batu Pahat, Muar, atau Johor Bahru, dan jika ya, bila-kah Kelas² Tingkatan VI akan di-adakan di-Kluang.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya, saya sedar. Perkara mengadakan Tingkatan VI di-Kluang sedang di-dalam pertimbangan Kementerian dan ini akan bergantung kapada jumlah pelajar² yang memerlukan pelajaran Tingkatan VI, guru² yang ber-kelayakan dan kemudahan² persekolahan yang ada di-situ.

BUKU² TEKS DI-SEKOLAH²—KEGUNAAN

33. Tuan Tiah Eng Bee minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa buku teks yang di-gunakan di-sekolah² tidak sama, dan jika ya, sama ada beliau akan mengeluarkan arahan kapada sekolah² supaya menggunakan buku² teks yang sama atau menawarkan tender kapada penchetak² untuk menchetak semua buku² teks untuk sekolah².

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya, saya sedar.

Perkara buku² teks telah di-bangkitkan dari semasa ka-semasa. Kementerian Pelajaran sedang mengkaji perkara ini sa-dalam²-nya bagi menchari jalan keluar yang memuaskan.

Mengenai chadangan mengeluarkan tender kapada penchetak untuk menchetak semua buku² teks untuk sekolah², perkara ini tidak dapat di-timbangan.

PEPEREKSAAN M.C.E.—MURID² YANG GAGAL MELANJUTKAN PELAJARAN

34. Tuan Tiah Eng Bee minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mengambil langkah² membenarkan murid² yang gagal dalam peperiksaan M.C.E. kerana tidak lulus Bahasa Malaysia tetapi lulus mata² pelajaran lain dengan chemerlang, supaya dapat melanjutkan pelajaran mereka di-sekolah² akademik, vokeshenal dan teknik.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Pehak Kementerian Pelajaran telah memutuskan bahawa chalun² dari Sekolah Bantuan Penoh yang kandas dalam peperiksaan M.C.E. 1971 kerana tidak lulus dalam Bahasa Malaysia tetapi lulus dalam mata² pelajaran yang lain dengan chemerlang di-beri tempat sechara sementara di-Tingkatan VI Rendah Sains dengan syarat mereka lulus mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan M.C.E. 1972.

RANCHANGAN² TANAH DI-KAWASAN TELOK ANSON—PEMBUKAAN

35. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah tanah² yang akan di-buka untuk ranchangan² tanah di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua di-kawasan Telok Anson.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Jumlah tanah² yang akan di-buka untuk ranchangan² tanah di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua di-kawasan Telok Anson daerah Hilir Perak ia-lah seperti berikut:

<i>Ajensi</i>	<i>Kawasan</i>	<i>Keluasan (Ekar)</i>
1. Sektar Swasta	Hutan Melintang Erong dan Changkat Jong	43,440 15,250
2. Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (LPPTN)	Seberang Perak	4,100
3. Jabatan Pertanian (Belia)	Seberang Perak	500
	Jumlah	63,290

LOTERI KEBAJIKAN MASHARAKAT—TIKET²

36. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kebajikan 'Am menyatakan jumlah tiket² loteri Kebajikan Masharakat yang di-chetak dan di-jual tiap² kali undi dan apa jadi kepada tiket² yang tiada di-jual.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Jumlah tiket² loteri Kebajikan Masharakat

yang di-chetak ia-lah 2.6 juta tiket² dan kesemua-nya habis di-jual.

BUKU² TEKS—BANTUAN DI-TOLAK

37. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kebajikan 'Am menyatakan mengapa banyak permohonan meminta bantuan daripada ibu bapa untuk membeli buku² teks bagi anak² mereka telah di-tolak oleh Pejabat Kebajikan Masharakat.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Bantuan kepada ibu bapa untuk membeli buku² bagi anak² mereka di-beri oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan dan bukan oleh Kementerian saya. Sunggoh pun begitu, se-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan kepada saya nama² ibu bapa yang permohonan² mereka telah di-tolak, saya bersedia untuk mendapatkan ma'alumat² yang di-kehendaki oleh beliau.

SETINGGAN² YANG KELUAR DARI KAWASAN TANAH LOT 826 MUKIM PORT DICKSON—BAYARAN SAGU HATI

38. Dr A. Soorian minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh Kementerian-nya mengenai nasib 33 keluarga yang telah tinggal di-Kampong Gopal Rajoo lebeh dari 20 tahun tetapi telah di-minta keluar dari kawasan² mereka sekarang (Lot 826) oleh kerana tanah mereka dudoki itu telah di-beli oleh L.L.N. Mereka ini telah di-minta meninggalkan tempat tersebut tanpa mendapat apa² sagu hati kerana mengikut pehak yang berkenaan, dawai² yang merbahaya telah di-pasang di-tempat² tersebut. Mereka juga mempunyai resit² bayaran yang telah mereka buat kepada tuan punya tanah yang lepas ia-itu sa-orang cheti yang telah pun berlepas balek ka-India.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Lembaga Letrik Negara telah membeli tanah Lot 826 (8.881 ekar) Mukim Port Dickson untuk projek talian penghantaran-nya dalam tahun 1967 dan membayar-nya dengan penoh wang sebanyak \$309,485, yang mana termasuk wang sebanyak \$50,000 untuk bayaran ganti-rugi bagi mengeluarkan setinggan² daripada tanah itu. Pemilek² tanah itu telah menghantar notis² kepada setinggan² ini melalui peguam mereka Enche' M. J. Mathew, untuk mengeluarkan mereka daripada tanah ini, tetapi malang-nya sebelum tindakan ini dapat

di-selesaikan mereka telah balek ka-India. Oleh kerana L.L.N. tidak ada chara selain daripada membawakan perkara ini ka-Mahkamah, tetapi oleh kerana penghantar notis Mahkamah tidak berjaya menyerahkan semua saman, kes terhadap setingan² ini telah ditangohkan. Oleh kerana perkara ini telah di-bawa kepada Mahkamah ada-lah tujuan Kementerian ini bahawa perkara ini diputuskan oleh Mahkamah sendiri.

KEMALANGAN DI-JALAN LEMAL, PASIR MAS—SEBAB²-NYA

39. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) sebab² kemalangan di-antara sa-buah bas dan sa-buah keretapi yang berlaku di-Jalan Lemal, Pasir Mas, baru² ini;
- (b) bilangan penumpang² bas yang terbunuh dan bilangan yang mendapat kechederaan² yang parah; dan
- (c) tindakan yang di-ambil oleh pihak yang berkenaan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Terbit dari kemalangan dalam soalan oleh Ahli Yang Berhormat maka satu Jawatan-kuasa Penyiasatan Keretapi Khas di-tubuhkan bagi menyiasat kemalangan itu. Jawatan-kuasa itu sudah pun menyelesaikan tugas-nya dan juga sudah pun menyiapkan laporan-nya. Di-samping itu kemalangan itu juga terta'alok kepada penyiasatan oleh mahkamah berhubung dengan kematian² dalam kemalangan itu. Penyiasatan oleh mahkamah itu ada-lah kehendak undang². Dengan ada-nya yang demikian maka perkara kemalangan ini ada-lah menjadi "subjudice". Oleh hal yang demikian, maka tidak dapat-lah saya pada perengkat ini menyatakan sebab² kemalangan itu.
- (b) Bilangan penumpang² bas yang telah terkorban di-dalam kemalangan itu ia-lah sa-jumlah 13 orang tidak termasuk pemandu bas itu yang juga telah menimpa maut. Bilangan mereka² yang mendapat kechederaan ia-lah 38 orang termasuk kondakter bas tersebut. Mereka yang di-senaraikan sa-bagai chedera ada-lah tidak parah.
- (c) Sa-lain dari Jawatan-kuasa Penyiasatan Keretapi Khas yang di-sebutkan dalam penggal (a) di-atas maka Pertadbiran

Keretapi Tanah Melayu sudah pun memulakan langkah² untuk mengkaji dengan teliti bagi mengetatkan lagi pada keseluruhan-nya kawalan² keselamatan di-lintasan² rata awam terbuka di-seluruh rangkaian keretapi. Berhubung dengan ini saya suka merujuk kepada jawapan saya pada 11-5-1972 kepada satu soalan yang menyentoh perkara yang serupa.

KELINIK BEDAH OTAK HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR— PENUKARAN NAMA

40. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan berchadang untuk mengekalkan atau pun menukar nama kelinik Bedah Otak di-Hospital Besar, Kuala Lumpur itu kepada satu nama yang lebeh sesuai seperti nama yang di-lakukan kepada Hospital Tanjong Rambutan.

Tuan Lee Siok Yew: Jabatan Bedah Otak di-Hospital Besar, Kuala Lumpur telah dinamakan Tunku Abdul Rahman Institute of Neurological Sciences mengambil sempena nama bekas Perdana Menteri yang menjadi Penaung Pertubohan Neurosurgical Malaysia. Kerajaan tidak berchadang menukarkan nama Yayasan ini yang telah menjadi sa-bahagian daripada kompleks Hospital Besar.

MALARIA—KEKURANGAN KES² YANG DI-LAPORKAN DI-KELANTAN

41. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan kadar kekurangan dalam bilangan kes² malaria yang di-laporkan dari kawasan² luar bandar di-Kelantan semenjak operasi menyembor ubat DDT di-jalankan di-negeri itu.

Tuan Lee Siok Yew: Angka² kes malaria yang di-laporkan oleh Hospital² Kerajaan dan Gedong² Ubat di-Negeri Kelantan menunjukkan kejatohan dari 1,508 kes² dalam tahun 1970 (di-mana Ranchangan Membasmi Malaria mula² di-lancharkan di-negeri itu) ka-665 kes² dalam tahun 1971. Kejatohan ini dalam bilangan kes² malaria yang di-laporkan telah terjadi sa-lepas 2-3 pusingan semboran DDT.

Sa-lanjut-nya kejatohan dalam bilangan kes² malaria boleh di-dapati apabila pusingan semboran DDT di-lanjutkan tiap² enam

bulan. Sa-sampai-nya masa, apabila Pusingan Semboran yang ka-lapan berakhir, di-jangka kes² malaria di-negeri itu sangat berkurangan.

PENGAKAP² SEMPADAN SARAWAK—PERTIMBANGAN TANGGA GAJI BAHARU

42. Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Pengawal² Sempadan di-Sarawak termasuk di-dalam Laporan Suffian atau di-dalam ulang kajian tangga gaji Angkatan Tentera yang di-chadangkan itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Saya perchaya apa yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah Pengakap² Sempadan atau Border Scouts di-Sarawak. Mereka tidak termasuk di-dalam Laporan Suffian atau di-dalam ulang kajian tangga gaji Angkatan Tentera yang di-chadangkan itu.

Kerajaan telah menerima rayuan supaya Pengakap² Sempadan Sarawak di-beri kenaikan tangga gaji baru mengikut shor Surohanjaya Suffian. Perkara ini sedang di-pertimbangkan.

PAS² KERJA—PEKERJA² MALAYSIA BARAT DI-MALAYSIA TIMOR DI- WAJIBKAN

43. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab²-nya pekerja² dari Malaysia Barat yang mahu bekerja di-Malaysia Timor khas-nya dalam kerja mencharigali minyak, di-wajibkan mempunyai permit² kerja.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Mengikut paragraph 16 (a) Inter-Governmental Committee Report, 1962, kemasokan orang² ka-Malaysia Timor berkehendakkan kelulusan daripada pehak² berkuasa negeri tersebut dan kehendak² ini telah pun di-masokkan ka-dalam sekshen 5 Akta Imigeresen 1963. Mengikut peratoran yang telah di-persetujui ini maka pekerja² daripada Malaysia Barat yang hendak bekerja di-Malaysia Timor di-kehendaki memperoleh pas² kerja oleh sebab kemasokan mereka ka-negeri itu ada-lah terta'alok kepada kehendak² sekshen 5 Akta Imigeresen 1963 di-mana kuasa membenar atau tidak sa-saorang itu masok ka-negeri itu ada-lah terserah di-tangan Kerajaan negeri tersebut.

GERAKAN SEDAR/MAJU TANGKAPAN DI-BEBASKAN

44. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah orang yang di-tangkap semenjak bermula-nya "Gerakan Sedar" dan "Gerakan Maju" dan juga nyatakan jumlah yang telah di-bebaskan semenjak itu, dan
- (b) mengapa-kah jumlah yang sa-lebih-nya itu belum lagi di-bebaskan hingga hari ini dan bila-kah mereka ini akan di-bebaskan.

Tun Dr Ismail Al-Haj:

- (a) Sejak "Gerakan Sedar" dan "Gerakan Maju" di-lancarkan di-kawasan² Perak Utara dan Kedah Selatan pada bulan Mach tahun ini seramai 154 orang penyokong² Kominis telah di-tangkap. Dari jumlah tersebut itu 58 orang telah di-bebaskan tanpa syarat dan 37 orang lagi telah di-bebaskan dengan syarat.
- (b) 18 orang telah di-kenakan Perintah Tahanan di-bawah sekshen 8 (1), Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 kerana kegiatan² mereka ada-lah di-anggap memudharatkan keselamatan negara ini. 41 orang lagi maseh di-tahan di-bawah sekshen 73 (3) Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana siasatan maseh di-jalankan terhadap mereka itu. Soal bila mereka akan di-bebaskan itu akan bergantung kepada hasil siasatan tersebut.

GANJA—KESALAHAN KAKITANGAN PENJARA PUDU

45. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar akan laporan dalam Utusan Malaysia bertarikh 14hb April, 1972, yang mengatakan bahawa Timbalan Penguasa Penjara Malaysia telah mengesahkan bahawa sa-tengah² kaki-tangan penjara di-Penjara Pudu terlibat dalam menyampaikan ganja kepada banduan², jika ya, nyatakan tindakan² yang telah di-ambil terhadap mereka yang di-dapati terlibat.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya suka menyatakan bahawa hanya dua orang sahaja kakitangan penjara yang telah melakukan kesalahan menyeludop ganja ka-Penjara Pudu.

Sa-orang daripada mereka itu telah di-kenakan denda dan di-beri amaran di-bawah Peratoran 314 (1) Prison Rules, 1963 manakala sa-orang lagi itu telah di-buang kerja di-bawah Peratoran yang sama juga.

YONG, C. C.—MELUCHUTKAN KEWARGANEGARAAN

46. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab² pembatalan sijil kera'ayatan C. C. Yong, sa-orang tahanan politik, di-pusat tahanan Muar.

Tuan Dr Ismail Al-Haj: Enche' C. C. Yong telah di-luchutkan taraf kewarganegaraannya mengikut peruntukan di-bawah Perkara 25 (1) (a) Perlembagaan Malaysia oleh sebab Kerajaan telah berpuas hati bahawa ia telah membuktikan dengan perbuatan atau per-chakapan sebagai sa-orang yang tidak setia atau tidak suka pada Persekutuan Malaysia.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PEMEGANG PAJAKGADAI

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (23hb Mei, 1972).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Yang di-Pertua: Apa lagi!

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak berchakap, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, dudok!

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahathan tentang Rang Undang² Pajakgadai. Atas tegoran² dan perhatian² mereka terhadap Rang Undang² itu, tegoran² dan perhatian² itu ada-lah di-ambil ingatan dan akan di-timbangan² untuk di-laksanakan apabila Rang Undang²

ini di-jadikan undang² dan peratoran² yang telah di-buat di-bawah akta Parlimen itu. Apabila perkara pajakgadai itu di-kemukakan untuk di-pertimbangkan oleh pehak Kerajaan perkara penting yang hendak di-putuskan ia-lah sama ada pajakgadai ini sa-benar-nya berfaedah kapada masharakat. Pehak Kerajaan telah mengambil kesimpulan bahawa sunggoh pun terdapat amalan² churang sa-bagaimana yang telah di-jelaskan oleh kenyataan, kebanyakan Ahli² Yang Berhormat yang berchakap atas perkara ini, akan tetapi mereka telah dapat memberi khidmat yang berguna kapada sa-bilangan besar ra'ayat yang miskin di-dalam negeri ini yang memerlukan wang dengan segera untuk mengatasi kesulitan²-nya sendiri. Kemudahan² saperti ini tidak dapat di-perolehi dari bank² pada masa ini. Oleh itu, telah di-putuskan untuk menggubal undang² dan mengawal sa-chara lebeh berkesan lagi akan tetapi mereka telah dapat memberi ini.

Untuk menjalankan tugas² ini, maka perlu-lah di-kaji undang² yang melibatkan pajakgadai². Ada terdapat berbagai² undang² negeri yang di-gunakan dalam negeri ini dan dengan demikian semua undang² ini perlu-lah di-mansokhkan dan di-gantikan dengan undang² Persekutuan supaya dapat menjalankan kawalan yang lebeh berkesan lagi terhadap perjalanan perniagaan pajakgadai ini.

Apabila sahaja Akta yang baharu ini di-luluskan oleh Parlimen peratoran² yang telah di-buat itu akan di-wartakan kelak. Saya ingin memberi jaminan kapada Ahli² yang Berhormat itu bahawa kita telah semua-nya, boleh jadi, sa-bahagian besar daripada amalan² churang yang di-lakukan oleh pehak pajakgadai akan dapat di-hapuskan terutama sa-kali atas kadar faedah yang tinggi, keuntongan yang berlebehan yang di-perolehi atas chagaran² yang di-berikan untuk mendapatkan pinjaman² dan sa-bagai-nya.

Ada beberapa tegoran yang telah di-buat terhadap sistem tawaran atau tender itu. Ada-lah di-dapati sukar untuk mencari suatu sistem bagi mengeluarkan lesen² ini sa-bagai ganti-nya yang tidak hendak di-salah-gunakan dan memberi peluang² untuk melakukan rasuah. Hasil yang di-perolehi oleh pengeluar lesen² itu ada-lah di-ambil oleh Kerajaan² Negeri dan bukan-nya-lah

oleh Kerajaan Persekutuan. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan ada-nya kawalan yang ketat ka-atas pajakgadai² ini akan mengakibatkan keuntongan-nya berkurangan, maka harga tawaran bagi lesen ini harus akan turun juga. Saya perchaya Kerajaan² Negeri tidak keberatan sa-kira-nya ini akan memberi perlindungan kepada ra'ayat, akan tetapi saya tidak fikir yang Kerajaan² Negeri bersedia mengambil alih atau menjalankan perniagaan pajakgadai sa-bagai joint-venture pada masa ini seperti apa yang di-chadangkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat ini. Tetapi walau bagaimana pun soal mengambil alih perniagaan pajakgadai ini terpulang-lah kepada pehak Kerajaan sendiri menentukan-nya oleh kerana ini ada-lah soal dasar Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah bertanya, apa-kah akan terjadi apabila barang yang di-chagarkan itu hilang dan bukan sahaja rosak. Ia menyatakan sekshen 22 dalam Rang Undang² itu tidak-lah begitu jelas atas perkara ini. Saya fikir sekshen 22 itu ada-lah jelas dan memberi perlindungan kepada si-pemajak sa-kira-nya berlaku kerosakan, kehilangan akibat dari kebakaran atau sa-balek-nya termasuk kechurian dan rompakan.

Jumlah bayaran yang patut di-bayar-nya telah di-tetapkan dalam Fasal 22 (3) ia-itu 1/4 lebeh daripada jumlah pinjaman atas-nya.

Ahli Yang Berhormat itu juga bertanya apa-kah akan terjadi apabila pemajakgadai itu bertembong dengan sa-orang penchuri, atau perompak yang menchuri barang² yang di-pajakkan. Sa-kira-nya ini berlaku Undang² Jenayah akan di-kenakan. Bagi menjamin supaya kejadian itu tidak berlaku, maka pehak polis perlu-lah memberi surat akuan kelakuan baik sa-belum sa-saorang itu di-benarkan mengadakan tawaran-nya untuk mendapatkan lesen.

Akhir-nya saya suka memberi jaminan kepada Ahli² Yang Berhormat termasuk-lah Ahli Yang Berhormat dari Besut itu sendiri bahawa faedah² yang di-berikan di-bawah peratoran² di-dapati agak lebeh tinggi sedikit daripada kadar yang di-kenakan oleh bank². Ini ada-lah berpatutan dan tidak-lah berlebeh jika di-bandingkan dengan kadar² yang ada sekarang. Sekian.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 49 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² LEMBAGA PELABOHAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menchadangkan satu Akta yang di-namakan Akta Lembaga Pelabohan (Pindaan) No. 2, 1962 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menitahkan perkara menukar nama Pelabohan Port Swettenham ka-Pelabohan Kelang. Perubahan nama ini melibatkan pelabohan itu dan Lembaga Pelabohan. Perubahan² nama ini sangat-lah sesuai pada konsep nasional, kerana sa-buah negara yang telah merdeka sa-patut-nya mempunyai identity-nya sendiri dengan mempunyai nama pelabohan²-nya dan lapangan² terbang dalam Bahasa Kebangsaan-nya. Tempat² seperti ini yang berchorak antarabangsa pada sa-tiap hari di-singgah dan di-lawati oleh pelawat² dan pelanchong² dari seluruh dunia. Dengan yang demikian tempat² seperti ini tidak sa-harus-nya-lah di-benarkan terus memakai nama yang bersangkutan dengan sejarah penjajah.

Pelabohan ini ada-lah pelabohan negara Malaysia dan oleh itu sa-wajar-nya-lah memakai nama dalam bahasa Malaysia. Nama pelabohan Port Swettenham ini termaktub di-dalam Akta Lembaga Pelabohan, 1963, Fasal 2 dan Rang Undang²

pindaan Undang² Lembaga Pelabohan menggantikan nama perkataan Port Swettenham Authority yang terdapat di-bawah peruntukan Sekshen 48 ka-perkataan Kelang Port Authority.

Fasal 3 dalam Rang Undang² No. 2 Lembaga Pelabohan menggantikan perkataan² Port Swettenham dan Port Swettenham Authority yang terdapat di-bawah peruntukan Jadual Pertama di-bawa Akta tersebut di-perkatakan Port Kelang dan Kelang Port Authority.

Saya mohon menchadangkan.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan V. David (Dato' Kramat): (*Dengan izin*) Sir, we on this side of the House support and welcome the change of name from "Port Swettenham" to "Port Klang". In fact this change should have taken place many years ago soon after independence. The colonial name had remained with this Port for many, many years, and it has now been changed by the initiative taken by His Highness the Sultan of Selangor.

Sir, in keeping with the new spirit and the new name of Port of Klang, the Port should have a certain standard that would be more fitting with the new name. Sir, recently, a few weeks ago, we had the workers demonstrating against unfair labour practice and poor wages and this picketing was there for a number of days, and it shows to what extent the workers are being exploited in the Port of Klang. The demonstration also goes further to show the unity among the workers of all races trying to achieve a just and reasonable wage. According to the union representing the workers, we have been informed that the claims of the union for improved wages have been left unattended, not responded, for more than 3 years. The accumulated frustration of the workers finally led to this picketing.

Mr Speaker, Sir, the Government has often repeatedly said that it is desirous to improve the living conditions of the workers, but in this case especially, it has not done so. To me, the workers in the Port of Klang are very poorly paid. The contract system of labour still dominates in certain sections of the Port and the Government should take some positive steps to raise the standard of living of the workers of the Port of Klang.

Sir, while talking about the Port of Klang I cannot also leave out the other ports, especially the Port of Penang. We find the same situation in the Port of Penang where unlimited exploitation of the workers, unchecked by the relevant authorities, has created all forms of nepotism, malpractices and mismanagement of the Port.

Sir, the Port is very vital to the economy of our country and if the management does not provide adequate protection to the poor workers in the Port, the standard of efficiency will go down and finally the ships which are now calling at the Port of Klang will not call here ultimately and they may find other ports in the neighbouring countries.

Sir, the Government must ensure that the workers are contended in the Port of Klang and also in the Port of Penang so that we will have efficiency of service and at the same time more ships will be attracted to our ports.

Sir, we have always said contract labour is one of the most exploited system in this country. This contract system still dominates in the Port of Klang as well as in the Penang Port. In spite of Government establishing a Port Labour Board in Penang, I think still a handful of employers are running the entire show by largely exploiting the poor and ignorant workers. Sir, the recent demonstration by the port workers is a glaring example as to what extent discontentment prevails among the workers. Therefore, Sir, I request the Minister responsible to take adequate measures to offer protection to these workers.

Sir, recently an unfortunate incident took place in the Port of Klang. When a Filipino vessel called at the Port of Klang five crew members of this ship were killed by certain persons. I understand the Police have detained quite a number of people suspected to have been involved in this incident of killing the five sailors.

Sir, in any port, protection is a vital factor to ensure and to guarantee ships calling at the port. The crews must be given a certain amount of protection and in this instance whilst these five people were man-slaughtered by a number of people armed with spears and other dangerous weapons, I understand that the Marine Police, who were witnessing this scene, did not protect these innocent lives and I do not know what the Security Police at the port were doing at that time. The

Security Police who are supposed to be responsible for protection and safety at the Port did not come to the rescue of these manslaughtered victims.

Sir, this ugly incident has smeared, to a large degree, the name of our country abroad and I was told His Excellency the Ambassador of Philippines called at the Port to see what happened to the five sailors who were killed at this Port.

Sir, we must at all cost avoid such incidents if we are going to attract people to come to this country and ships to call at our port which brings large amounts of revenue. I now ask the Government why, in spite of this tragic incident, the Government has not thought fit of immediately appointing a Commission of Inquiry.

Sir, today my party and myself, call on the Government to institute an independent enquiry to ascertain the causes of the death of these five persons and also to what extent the Marine Police and the Port Security Police have neglected their duties where they should have protected the innocent lives and kept up the prestige of this country.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi penjelasan bahawa Bill ini ia-lah berkenaan dengan penukaran nama sahaja, tidak ada kena mengena dengan "labour force" dan sa-bagainya di-Port Kelang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bersetuju, tetapi beliau berchakap tidak berhenti². Tidak tahu-lah apa yang hendak di-buat.

Tuan V. David: I call upon the Government.

Tuan Yang di-Pertua: Will you stick to the order of the House? You are talking a little bit beyond the scope of the Bill.

Tuan V. David: I won't, Sir. I will stick strictly to this Bill and I have nothing more to say, except that I call upon the Government to institute an enquiry into this tragic incident. Thank you.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok berchakap sa-patah dua kata dalam Rang Undang² ini

yang di-kemukakan oleh Setiausaha Parli-men kepada Menteri Perhubungan dan saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun Rang Undang² ini ia-lah untok menukarkan nama Port Swettenham kepada Pelabuhan Kelang, saya suka hendak mengambil kesempatan untok berchakap sedikit sa-banyak tentang keadaan di-Pelabuhan Kelang. Oleh sebab penukaran nama itu, walau pun kami hendak menghapuskan nama penjajah, tetapi jika keadaan di-Pelabuhan Kelang tidak sesuai, atau memuaskan, maka kapal² yang tiba di-Pelabuhan Kelang tidak sesuai, atau memuaskan, maka kapal² yang tiba di-Pelabuhan Kelang, tetapi mereka pergi ka-pelabuhan yang lain. Oleh hal yang demikian, saya hendak menyebutkan sedikit tentang keadaan kaum buroh di-sana.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, it is true that my colleague, the Member for Dato Kramat has talked about the labour conditions in the Port of Klang. I wish to associate myself with all that he has said, except that I wish to touch a little bit more on what he has left out.

It is wellknown that the port wokers there are on contract labour and have been exploited by the stevedoring firms in the Port of Klang. I myself, about four or five years ago, had brought to the personal attention of the Minister of Labour, who is the M.P. for that area, one form of exploitation, and that form of exploitation is this, Mr Speaker, Sir. The worker goes to work everyday—and they are paid a daily wage—he goes to work, he is given a ticket and that guarantees him, let us say, \$6.00 a day. So he goes to work, he gets a ticket for \$6.00 and he keep it. Next day he works and he gets another ticket for \$6.00. At the end of the month he goes to present these tickets to get the money. Let us say he works 20 days and he should get \$120.00, but he does not get it. He is told by the stevedoring firm: "Susah-lah, ta' ada wang sekarang. Tunggu, sabar sedikit." And so it goes on, tunggu, tunggu, for how many months? He can't exchange his tickets for work done for cash. So what does he do? He goes, not to a Chettiar around the corner, but to somebody who has money and with a \$6.00 ticket he could probably get \$4.00 and that chap takes a chance because that ticket may not even fetch \$1.00 but he is prepared to take a

chance. Mr Speaker, Sir, this is a blatant exploitation of the workers in the Port of Klang which I have brought up many times, not just once. I have brought the workers from Klang to meet the Honourable Minister of Labour.

This, of course, is one of the reasons why the Port of Klang has a very bad reputation in terms of cost to the shipping companies and importers. It is no secret that Singapore is the most efficient and cheapest. Why? The reason is, apart from other things, they pay their workers well. They don't go on contract system. We go on contract system and the workers are terribly frustrated because they are being exploited. Very recently, about two or three months ago, as my colleague the Member for Dato' Kramat has pointed out, the workers went on a picketing. What they sought was to rationalise their claims that have been pending for more than 3 years.

I hope Honourable Members of this House will agree that 3 years is a very long time to settle any claim. Gone are the days when one can keep the workers of this country quiet by telling them, "Sabar-lah, sabar-lah". But now they won't, they won't have any more patience. So they picketed and the Ministry of Labour, after a long time, intervened. Incidentally, Mr Speaker, Sir, this claim by the workers in the Port of Klang has not been settled as yet despite the intervention of the Ministry of Labour. I call on the authorities concerned to look into this question of the frustration of the workers, the exploitation of the workers, to try and settle these claims of the workers so that if all parties are happy, then we can try and improve the efficiency of the Port. If we do not improve the efficiency of the Port and we have pilfering and the like, then what is going to happen is that the ships will not call at the Port of Klang and even though it will cost more the shippers will divert their ships to, let us say, Singapore and carry the goods back to Malaysia by train. If this happens, then, of course, the millions that we have poured into the Port of Klang will be just dumped into the swamps of the Port.

Mr Speaker, Sir, with the increasing use of the Port, with the containerisation taking place, we cannot afford to have a labour force in the Port of Klang frustrated and discontented. I do hope that those responsible would take immediate action to try

and improve the efficiency of the Port and that means to try and improve the working conditions of the workers in the Port of Klang. Thank you.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian berchakap sedikit dalam Akta Pelabohan ini. Saya menyokong dengan sa-penoh²-nya akan tujuan Kerajaan hendak menukarkan nama Port Swettenham itu kepada Pelabohan Kelang. Jika sa-kira-nya Kerajaan Pusat boleh mengubah nama pelabohan itu daripada nama penjajah, maka saya suka juga memberi pandangan kepada Kerajaan supaya mengubah sa-buah pelabohan di-negeri Perak yang bernama Telok Anson kepada nama asal-nya Pelabohan Telok Mak Intan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak ada kena-mengena Rang Undang² itu.

Tuan Hashim bin Gera: Kalau Kerajaan boleh menukarkan nama pelabohan Port Swettenham itu kepada Pelabohan Kelang, apa salah-nya pula bagi Kerajaan Pusat mengubah nama Pelabohan Telok Anson itu kepada nama Melayu-nya Telok Mak Intan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu boleh di-buat chadangan di-masa yang lain.

Tuan Hashim bin Gera: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya tidak akan menjawab atas semua perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi. Hanya saya ingin hendak memberi perhatian kepada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat tadi. Saya berasa hairan sedikit mengapa beliau berchakap sa-olah²-nya kesalahan tersebut terletak kepada Kerajaan Malaysia oleh kerana beberapa orang telah terbunuh. Saya fikir perkara ini sedang didalam siasatan dan tidak patut-tah beliau berchakap saperti itu. Kalau-lah Ahli Yang Berhormat ada mempunyai perasaan sayang, menchintai sedikit negeri ini, beliau tidak boleh mengutok bagi pehak pelabohan kita sa-bagai Pelabohan yang tidak layak bagi kapal² yang hendak masuk, kerana sudah bertukar chorak. Biar-lah dahulu perkara itu di-siasatkan dan apa yang berlaku patut-lah di-binchangkan dengan sa-baik²-nya. Jangan

pula dia mengutok Kerajaan kita dahulu dan mengutok pula pelabohan dan meletakkan kesalahan kepada polis. Beliau telah menhadangkan supaya perkara ini patut diasas oleh sa-buah Commission of Inquiry, sa-olah²-nya beliau tidak ada keperchayaan sama sa-kali kepada sistem Undang² dalam negeri ini dan system law and order dalam negeri ini. Beliau tahu kita ada undang² dalam negeri ini! Kita patut ada mempunyai perasaan hendak mempertahankan nama baik negeri kita di-dalam Dewan ini terutama sa-kali manakala tutur kata kita di-ambil dengan sa-chara berat. Saya berharap pada masa yang akan datang, kalau ada perkara yang sa-macham ini berlaku, biar-lah kita menyiasat dahulu, kalau kita salah, kita akan mengakui dan tindakan sewajar akan di-ambil. Tetapi sa-belum ada penyiasatan di-jalankan dan kita tidak tahu di-mana letak-nya kesalahan itu, maka patut-lah kita bersabar dahulu dan patut kita kena dengar sikap ra'ayat Malaysia yang benar² sayangkan kepada Malaysia hendak-lah memandangkan perkara ini sa-chara terang² dan baik. Jangan-lah kita terus mengutok kejadian itu sa-bagai satu daripada keburokan polis kita, atau pun keburokan pelabohan kita.

Perkara² yang lain, Tuan Yang di-Pertua, akan di-jawab oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya chuba menjawab sa-patah dua mengenai perkara² yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat tadi. Tetapi sa-belum daripada itu, saya suka-lah mengambil peluang ini menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat itu kerana menyokong Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya saya dapati Ahli² Yang Berhormat dari PEKEMAS ini terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat yang dahulunya dari Bungsar akan mengambil apa sahaja peluang yang ada di-dalam Dewan ini untuk berchakap berkenaan dengan kedudukan "labour" dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan "labour force" di-Kelang ini, dahulu telah menjadi sebok sedikit yang di-katakan-nya "demonstration" itu. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terjadi itu ada-lah

di-sebabkan hasutan atau pun perkara yang tidak baik, atau pun satu hasutan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri kerana, Tuan Yang di-Pertua, beliau ini ada-lah ketua

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, the Parliamentary Secretary made the allegation that I was the cause of the demonstration in the Port of Klang. Sir, may I say that the UMNO Labour Bureau was there and they supported the picketing.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya perkara yang sa-umpama ini ada-lah di-galakkan sa-chara langsung atau tidak langsung oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita hari ini membinchangkan soal penukaran nama port. Perkara yang di-sebutkan oleh beliau itu tidak ada kena-mengena dengan "labour force" yang di-sebutkan tadi.

Berkenaan dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi mengatakan perjalanan Port Swettenham ini tidak begitu sempurna dan beliau mengatakan keadaan Port di-Singapura ada-lah lebeh baik. Saya berasa hairan, selalu benar saya dapati Ahli Yang Berhormat itu berchakap dalam Dewan ini membandingkan Malaysia ini dengan Singapura dan mengatakan Singapura ada-lah lebeh baik daripada Malaysia ini. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai ra'ayat Malaysia ini, Ahli Yang Berhormat itu hendak-lah sa-boleh²-nya mempertahankan nama baik negeri ini bukan-nya mendewakan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak payah saya menjawab perkara² yang di-bangkitkan-nya tadi, kerana sa-bagaimana yang saya katakan tadi Akta ini chuma untuk menukarkan nama Port Swettenham itu kepada Port Kelang. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

buah negara lain sudah membuat-nya. Tetapi saya rasa sekarang ini memang perlu, dahulu belum perlu, kerana kenderaan belum chukop banyak, terutama di-Kuala Lumpur dan di-bandar² besar, tetapi sekarang baharu kita rasa perlu, bukan kerana hendak mengikut orang lain seperti yang selalu di-sebut² oleh saudara kita dari Bungsar yang mengambil chontoh dari sa-buah negara sahaja. Tetapi ini, pada fikiran saya, sekarang ini memang perlu, pada masa dahulu memang belum perlu lagi, kerana kalau di-ambil daripada kenderaan kita sekarang sudah memakai plate BAD berapa banyak sudah, dahulu masa-nya hanya baharu BS atau BT, sekarang sudah banyak. Ini baharu terasa perlu-nya sekarang. Saya menyokong kuat Rang Undang² ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam membahathkan suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya semangat pindaan Rang Undang² ini ia-lah untuk menjaga keselamatan penonggang² motosikal kita. Apakala kita mendengar bilangan penonggang² motosikal yang telah mendapat kemalangan di-jalan raya bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan, maka sungguh sedih kita mendengar-nya. Sebab itu-lah pehak Kerajaan mengadakan undang² ini dan saya nampak bahawa dengan memakai topi keledar ini, boleh jadi keselamatan ada-lah lebeh baik sedikit daripada tidak di-pakai. Chuma yang saya hendak ingatkan ia-lah tentang mutu topi keledar yang mesti dipakai itu hendak-lah benar² tahan, jangan sa-bagaimana kata sa-orang sahabat kita tadi ia-itu mungkin kalau di-bandingkan dengan serban orang Sikh, mungkin serban-nya lebeh tahan daripada topi keledar. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bagini oleh kerana saya ada membacha surat khabar ia-itu salah sa-orang daripada pegawai di-Pusat Piawan Malaysia ada memberi rekomen yang mengatakan bahawa topi keledar yang ada di-keluarkan di-negeri kita ini kurang bagitu bermutu. Jadi saya tidak tahu sa-jauh mana yang di-katakan kurang bermutu itu. Saya berharap pehak yang berkenaan mengambil perhatian yang benar²

supaya mutu topi keledar kita itu tebal, kuat dan kalau sedikit terhantok kepala ka-batu atau ka-besi tidak akan luka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kepada pehak Kementerian yang berkenaan tentang tok² Haji kita yang memakai serban, sebab tok² Haji kita ini ada dua. Ramai tok Haji pakai serban dan ramai juga tok Haji yang tidak pakai serban. Saya kira pada tok Haji kita yang pakai serban dan kaum Sikh dan juga kaum pengembang² Christian yang saya nampak selalu memakai jubah, serban juga, biar-lah mereka ini tidak payah memakai helmet atau pun topi keledar kita seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya suka mengingatkan kepada pehak Kerajaan bahawa sa-sungguh-nya bahaya² atau pun sebab²-nya yang banyak mendatangkan kemalangan di-jalan raya ini ia-lah dengan sebab terlampau laju-nya penonggang² motosikal itu memandu motosikal. Saya selalu balek ka-Trengganu dan saya selalu di-potong oleh penonggang² motosikal. Saya rasa, kereta saya ada-lah lambat benar apakala berjumpa dengan motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa harus pehak Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian supaya motosikal² kita ini jangan di-bolehkan berjalan laju sangat, biar-lah berjalan dengan sa-kadar padan dengan motosikal-nya, kalau motokar biar padan dengan motokar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu sebab² kemalangan jalan raya ia-lah kerana jalan yang kita baiki itu tidak bagitu menasabah. Sa-tengah² tempat di-baiki sa-makin hari sa-makin besar, yang sudah elok, di-elokkan lagi, tetapi kalau yang tidak elok, langsung tidak elok. Mithal-nya saya sebutkan di-antara Genting Highlands yang sa-tengah² orang suka pergi ka-sana, jalan-nya memang tidak elok, sempit betul. Ini ada-lah mendatangkan satu bahaya yang besar. Demikian juga jalan ka-Trengganu yang saya dapati banyak benar tempat² yang tidak di-baiki oleh pehak yang berkenaan. Ini harus-lah di-baiki, sebab kalau jalan itu sudah besar, ada juga kejadian kemalangan jalan raya, boleh-lah saya katakan memang betul chuai pemandu motokar atau pemandu motosikal yang berkenaan itu. Tetapi kalau jalan itu sudah sempit apakala bertembong dengan satu kenderaan yang lain, mahu tidak mahu lari ka-kanan, kena motokar atau kena

kenderaan yang lain, lari ka-kiri, masuk dalam longkang. Ini harus di-ambil perhatian.

Sa-lain daripada itu, saya ingin menyebut juga tentang pekerja² yang membuat jalan raya. Pekerja² Jabatan Kerja Raya yang membuat jalan raya itu hendak-lah meng-ambil perhatian benar² tentang tanda yang mereka itu ada bekerja, sama ada pada waktu siang hari atau pun malam. Baharu² ini saya balek dari Kuala Lumpur pada hari Sabtu yang lalu, saya dapati di-tempat pehak Jabatan Kerja Raya membaiki jalan tidak ada di-pasang lampu, tidak ada apa². Saya sendiri hampir² jatuh. Saya tengok ada sa-buah motosikal yang jatuh, orang-nya tidak ada. Jadi kami turun beramai², driver² lori dan van menchari orang itu, di-mana orang-nya yang sudah melanggar alat² J.K.R. Saya ingat hal itu

Tuan Mohamed bin Ujang: Perkara yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada hubungan-nya topi keledar moto-sikal dia telah menyeleweng terlampau jauh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya boleh tahan Ahli Yang Berhormat itu tadi tetapi oleh sebab dia berkaitan dengan jalan² raya dan begitu juga dengan kemalangan yang boleh berlaku dengan penonggang², maka saya benarkan dia menyambungkan ucapan-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sadikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap kalau di-baiki jalan raya, biar-lah tanda itu terang, kalau malam hendak-lah di-pasang lampu dengan terang, kalau tidak, terlanggar tong² yang ada di-tengah jalan itu dan ini akan menyebabkan kemalangan ber-laku dan banyak kejadian akan berlaku. Saya berharap pehak yang berkenaan akan mengambil perhatian dengan sa-benar²-nya.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Lalulintas Jalan yang di-kemukakan dalam Dewan ini. Dalam pindaan Rang Undang² ini erti-nya sa-memang-lah kita mengkaji kerana hendak di-adakan satu acara pemakaian topi keledar itu untuk menjaga keselamatan nyawa sa-masa menuggang motosikal di-jalan²-raya. Walau bagaimana pun kita sedia ma'alum ia-itu berhubung dengan topi keledar yang

hendak di-gunakan oleh penonggang² moto-sikal di-seluruh negara kita ini rasa saya hampir berpuluh ribu, kalau-lah undang² ini di-jalankan.

Di-sini saya merasakan sa-bagai ra'ayat luar bandar, atau pun biasa juga menjadi sa-bagai sa-orang penonggang motosikal atau pun kenderaan yang lain², topi keledar bagaima-na yang saya dapat tahu, ia-itu berhubung dengan tiap² satu topi keledar yang telah di-tetapkan dengan chara yang baik-nya, yang akan di-gunakan oleh penonggang moto-sikal ini harga-nya lebeh kurang \$35.00. \$35.00 bagaimana yang saya tahu tadi, bagaima-na yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara ini amat tinggi harga-nya. Dengan ini saya sungguh meng-harapkan pehak Kerajaan kita, atau pehak Kementerian Perhubungan mengkaji sa-mula mudah²an supaya topi keledar ini dapat kita rundingkan atau pun berhubung dengan pehak pembuat topi keledar supaya dapat di-turunkan sedikit harga-nya, lebeh kurang dalam jangka \$20.00. Ini, rasa saya, dapat memberi kelonggaran, kemudahan sedikit kepada pehak penonggang motosikal yang susah dan miskin, yang dudok di-luar² bandar, yang banyak sekarang menggunakan moto-sikal.

Lagi satu, saya rasa, perkara penggunaan topi keledar ini patut-lah juga bagi pehak Kementerian Perhubungan mengkaji sa-mula kalau-lah hendak di-kenakan tiap² sa-orang penonggang moto-sikal daripada 50 c.c. sampai ka-650 c.c., rasa saya, ini tidak-lah berapa elok kerana penonggang moto-sikal yang 50 c.c., 70 c.c. atau pun 90 c.c. ini kebanyakan-nya pengguna² yang mengguna-kan moto-sikal—sekarang negara kita ini sudah moden dengan kenderaan—Honda 50 c.c. dan juga Yamaha dan sa-bagai-nya, ia-itu di-gunakan melalui lorong² kechil, lorong² di-luar bandar, jalan mukim dan sa-terus-nya ka-dalam estate², atau pun bendang² yang boleh di-lalui, boleh di-kata-kan moto-sikal sa-bagaimana yang saya katakan tadi.

Rasa saya dalam masaalah ini kalau hendak pergi ka-bendang, hendak pergi ka-estate, hendak di-kenakan memakai topi keledar ini janggal rasa saya, walau pun undang² itu bagi pehak kita semua, erti-nya setuju kita buat, tetapi janggal pada pandangan penduduk² di-luar² bandar atau pun bagi pehak penonggang² moto-sikal itu

faedah sangat. Saya fikir bagi pehak Kementerian ini mengadakan kempen yang dijalankan itu ada-lah telah memberi kesan yang baik kepada pengguna² jalan raya di-negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu-lah sedikit sa-banyak yang dapat saya jawab dalam perbahathan ini dan saya memberi pengakuan bahawa segala chadangan² yang baik yang di-kemukakan tadi telah di-ambil ingatan dan akan di-timbangkan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatankuasa, (Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 3—

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan pindaan yang telah di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat. Pindaan-nya seperti berikut:

Fasal 2—

Gantikan perkataan “riding” yang terdapat di-baris 1 perenggan (r) sekshen 73 (1) yang di-chadangkan itu dengan perkataan² “being carried”.

Clause 2—

Substitute the words “being carried” for the word “riding” appearing in line 1 of the proposed paragraph (r) of section 73 (1).

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 3 seperti yang di-pinda diperintah menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG² MAHKAMAH (PINDAAN)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Peguan Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya suatu Rang Undang²

bernama “Suatu Akta bagi meminda Ordinan Mahkamah, 1948” di-bacha bagi kali yang kedua.

Sa-belum Akta Mahkamah Keadilan, No. 7 tahun 1964 di-kanunkan, undang² yang berhubung dengan keanggotaan dan kuasa² Mahkamah Besar dan Mahkamah Rendah di-Malaysia Barat ada-lah terkandung dalam Ordinan Mahkamah No. 43 tahun 1948. Berikutan dengan penubohan Malaysia, Akta Mahkamah Keadilan telah di-kanunkan dalam tahun 1964 bagi membuat peruntokan berkenaan dengan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah² Tinggi. Mahkamah² ini mengambil alih kuasa² yang dahulu-nya terletak hak pada Mahkamah Besar yang terdiri dari Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, telah memansokhkan peruntokan² Ordinan Mahkamah yang berhubung dengan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi; Mahkamah Rendah ada-lah terus di-selenggarakan di-bawah Ordinan Mahkamah, 1948.

Sa-tengah² daripada kuasa² yang di-beri oleh Ordinan itu pada Mahkamah² Rendah ada-lah terkandung dalam suatu Jadual kepada Ordinan itu, bertajok “Jurisdiction of the High Court” (“Bidangkuasa Mahkamah Tinggi”). Jadual ini, Tuan Yang di-Pertua, telah di-mansokhkan semua sekali oleh Akta 7 tahun 1964; nyata-lah bahawa sa-tengah² daripada peruntokan²-nya yang berkenaan dengan Mahkamah Rendah tidak sa-patut-nya di-mansokhkan. Fasal 4 Rang Undang² ini memasokkan samula peruntokan² itu mula² dari tarikh ia-nya di-mansokhkan ia-itu pada 16-3-1964. Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk membetulkan perkara yang di-sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, peluang ini di-ambil juga untuk membuat pindaan² kecil tertentu yang di-fikirkan perlu sa-belum suatu chetakan semakan (revision) Ordinan itu di-keluarkan.

Fasal 2 Rang Undang² itu meminda taarif “Registrar” (“Pendaftar”) bagi memasokkan Timbalan Pendaftar dan Penolong Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar. Kedua² jawatan ini telah di-adakan sa-lepas Ordinan itu di-kanunkan.

Fasal 3 meminda sekshen 54 bagi menentukan siapa-kah Yang di-Pertua Mahkamah Sekshen yang boleh meminta rekod² dari mahkamah² rendah dan dari mahkamah²

mana-kah yang ia boleh meminta rekod² itu. Sa-bagaimana kedudukan sekshen itu sekarang, sa-saorang Yang di-Pertua boleh meminta rekod² dari mahkamah² yang terletak di-luar kawasan tempatan bidang-kuasa-nya, dan ini nyata sa-kali tidak di-ingini dan mungkin tidak di-maksudkan.

Fasal 5, Tuan Yang di-Pertua, meminda Jadual Keempat kepada Ordinan yang mengandongi senarai Majisteret Klas Pertama ex-officio. Menteri² Besar dan Ketua² Menteri telah di-tinggalkan dari senarai itu oleh kerana jawatan² mereka sekarang adalah jawatan² politik bukan masa dahulu Menteri Besar bukan ahli politik. Semua Penolong Pegawai Daerah yang menjaga Daerah-Kecil telah di-masokkan: dahulunya hanya sa-bilangan kecil pegawai² yang tertentu sahaja telah di-masokkan. Tugas² Mejistret² ex-officio ia-lah utama-nya untuk menyaksikan surat².

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² MAHKAMAH KE'ADILAN (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab Rang Undang² ini ada nampak susah sadikit, dan naskah-nya dalam bahasa Inggeris, maka saya minta izin menghuraikan-nya dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Courts of Judicature Act, 1964" be read a second time.

This Bill, Sir, seeks to make certain minor amendments to the Courts of Judicature Act, No. 7 of 1964, which were found necessary during the process of revision.

The Courts of Judicature Act as it is makes no mention anywhere of the office of Senior Assistant Registrar of the Federal and High Courts. The office seems to have been included in that of Assistant Registrar. This is considered to be unsatisfactory, and accordingly, Sir, Clauses 2, 5 (a) and 6 of the Bill amend the definition of "Registrar" in section 2 and sections 10 (1) and 11 (1) of the Act by adding "Senior Assistant Registrar" to the list of officers specified therein.

Clauses 3, 4 and 7 of the Bill correct what are obviously drafting errors in sections 5 (1), 7 and 12 (2) of the Act which specify what courts replace the pre-Malaysia courts of record and the processes that issue out of those courts.

Clause 5 (b) adds a new subsection 10 (4) to make provision for the performance of registry duties by certain Presidents of Sessions Courts in West Malaysia and First Class Magistrates in East Malaysia so that the Registries may continue to function during the absence of Assistant Registrars.

Clause 9, Sir, transfers to the Act the provisions relating to the immunity of Judges contained in the Courts Ordinance, 1948; and Clauses 13 and 14 transfer to the Act the provisions relating to the powers of the High Court and the Federal Court in making references to special referees contained in the Arbitration Ordinance, No. 12 of 1950. A special referee is a person to whom questions are referred by the Court for inquiry and report. These provisions belong more properly to the Courts of Judicature Act than to the two Ordinances mentioned.

Clause 10, Sir, gives the Rules Committee general power to make rules of court when authorized to do so under other written laws. At present its powers are confined to the specific purposes set out in section 16.

miles in fact to Johore Bahru; the same in Pahang; and even in the little State of Penang it would be so. Since the powers are also now being given to First Class Magistrates, I am not clear whether what I said just now will be fulfilled, because I did not hear from the Attorney General that District Registries would be allowed to exist. Now, there is only the Central Registry and in the States we have the State Probate and Administration Registry. But at one time I understand in each of the District Courts there were facilities for the issue of Letters of Administration, but this is not so now. I hope that with the enlargement of the powers of the Magistrates, this can be allowed; if not, the purpose of these amendments will be defeated.

Secondly, Mr Speaker, I am glad that the value of small estates has been increased to \$25,000 from \$10,000, but the main difficulty is that there is always a ding-dong battle between the Court and the Collector. This is due to the fact that the definition of the value is not the same in the Probate Ordinance and in the Small Estates (Distribution) Ordinance. As you will see, Mr Speaker, Sir, Clause 6, Section 77A, sub-section (6) says that this amendment will have no application to an estate which falls to be dealt with under the provisions of the Small Estates (Distribution) Ordinance. Therefore, all these will not have effect. Then all those small estates which are less than \$25,000 would have to be handled by the Collectors. In the first place, the Collectors, I think most of them are not legally trained men; secondly, their staff is hardly adequate and they are over-worked—this is one aspect of it. But I think the Government has realised this and has submitted an amendment not to increase their work for the present, but at one time it will have to come to that. But what is the main bugbear of this is that the definition in the Probate Ordinance, Section 77 (2) says “In determining applications of Probate or Letters of Administration under this section, where it appears that the gross value of the estate of the deceased does not exceed \$25,000 . . .”—this one talks of the gross value of an estate for the purposes of the Probate and Administration Ordinance. For the purpose of the Estate Duty Ordinance, I submit this is taken as the value of the estate of a person at the date of his death, on the day he dies, that is the day on which it is valued. If he died 10 years ago, that is

the value, whereas, Mr Speaker, Sir, if you take the Small Estates (Distribution) Ordinance Section 3 reads—now I am merely bringing that up, not in anticipation, but because this Ordinance clearly refers to that one—reads as follows:

“For the purposes of this section, the value of the property comprised in an estate shall be deemed to be its value at the date of the filing of the petition for probate and Letters of Administration.”

It is the value at the date of filing. You may be dead 10 years ago, but the value is at the date of filing, whereas, as I said just now, in the Probate and Administration Ordinance and in the Death Duties Ordinance, the value is the value at the date of death. Therefore, Mr Speaker, Sir, surely we can see that a property say 5 years ago would be valued for the purpose of Courts at may be under \$10,000 and therefore comes under the Small Estates (Distribution) Ordinance, but when it comes under the Small Estates (Distribution) Ordinance, it is valued on the date of presenting the petition, may be today. There it is rejected and it has happened. So instead of helping the people, it has caused hardship to the people. They can get neither remedy in the High Court, nor with the Collector and this ding-dong battle has been going on. I hope that the learned Attorney General will realise this and accept this, this is a fact, and I hope when the next Bill comes up he will make that little amendment.

The other aspect of this is that since the facility for obtaining Letters of Administration is now extend to magistrates in the Districts, I do not see whether there is this necessity of having another separate Ordinance like the Small Estates (Distribution) Ordinance, because invariably in every District where there is a District Officer or Collector, there is also a Court, I think, and therefore, if it can be handled by one office, it would save a lot of expenditure, it would save a lot of people running from one place to another and, perhaps, it would be really helpful if we do away with the Small Estates (Distribution) Ordinance and have only the main Probate and Administration Ordinance as it is going to be amended.

The third point, Mr Speaker, Sir, which I would like to point out is in regard to personal service. Sir, personal service is unfortunately being interpreted by different people

in different ways. I know that in Singapore—I am so sorry to bring this up—we have had this history and our Rules of Supreme Court do not specify what method of personal service is expected. Therefore, I have come to know that certain of our Judges insist that “personal service” means service by an officer of the Court. Now, this may be good, but this is not practised throughout. All the time this is an unwritten law. It has been the practise in all the Courts that service can be made by the clerks of solicitors, but there are certain judges who insist that it must be done through the Court. If that is so, that will definitely take a lot more time and at certain times when you want to have a service effected quickly, it cannot be done, because that has to go through the Court, and I hope that we can have a definition to the Rules of the Supreme Court which says definitely, for all intents and purposes, clearly, what is personal service. I want to know how we could serve personally. You know, Sir, we have some persons, some beneficiaries, who are in China and it is almost impossible to get in contact with them. In such a case, I hope there could be provision, where persons cannot be contacted, for service to be dispensed with. Thank you very much.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang-Lupar): (*Dengan izin*) Sir, I rise to give some comments on the Probate and Administration Bill, 1972. At the same time I intend to submit some suggestions regarding the implementation of the various provisions of this Bill once it is passed and becomes law, particularly in Sarawak.

I note that this Bill repeals the existing Sarawak Administration of Estates Ordinance, which has been the Principal Ordinance governing the Probate and Administration of estates of deceased persons in Sarawak. However, in the Sarawak Ordinance, there are provisions which clearly underline the fact that in the administration of a deceased person's estate and probate, where that person belongs to a particular community, the relevant customary laws and practice of his community must be respected. In this Bill, I regret that I have not come to any provision relating to that emphasis regarding the customary laws and practices of the various communities in Sarawak, for example, the Sarawak Malays; the Iban; Sea Dayaks; the Bidayuh; the Melanaus; the Kayan-Kenyahs, and many other including the Chinese there.

I wish to point out that the one month period of Notice to be given to the person involved in the Probate and Administration of the deceased person's estate cannot possibly be practical to Sarawak. With the difficulties in communications, especially in Sarawak's ulu and outlying areas, letters from Government offices and Surat Panggil often reach a longhouse or a kampong within one month. Consideration must be taken also to the fact that whoever is thus called may not be able to go down to the Government offices immediately, because he has to find the means to go and the expenses to maintain his two or three days' stay in the town.

I suggest, in Sarawak, the period of Notice should be extended to three months.

At this stage I wish to caution the Government to ensure that when the provisions of this Bill is extended to Sarawak, particular regard must be made to the customary laws and practices of the various communities there, especially with regard to the probate, distribution and administration of the estates of deceased persons. I need not remind Honourable Members that the people inhabiting that portion of Malaysia called Sarawak, comprise of so many different communities with different customs and adats. The Kayan-kenyahs group comes under the ambit of the Adat Orang Ulu; the Ibans falls under two customary laws—the Adat Lama for the First and Second Division Iban and the Tusun Tunggu for the Third, Fourth and Fifth Division. We have the Adat Orang Lakei for the Melanaus; with the Bidayuh (Land Dayaks) practising three separate customary practices, depending on localities—namely the Jagol Dayak, the Singghi Dayak (not to mention the minor group of Selakau Dayak) and the Biatah Dayak. I am given to understand that even the various Chinese Communities—the Foochews, the Hokkiens, the Teochews, the Cantonese and the Hakkas—have different practices regarding probate and administration of estates of the deceased persons.

I and my colleagues are all for the intergration of the various communities in Malaysia, particularly between East and West Malaysia. However, any attempts at standardisation especially in the customary laws and practices of the different communities in Malaysia, must be approached with care and caution. This is to avoid complications

peruntukan dalam Fasal 3 Rang Undang-undang yang baharu sahaja di-luluskan oleh Majlis ini.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya telah sebut, yang sudah di-terangkan ini di-dengar betul² dan kalau ada Ahli² Yang Berhormat dari Sarawak membangkitkan lagi, bertanya yang saya sudah sebutkan itu. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga menambah, ia-itu telah di-bahagikan kepada Ahli² Yang Berhormat di-sini satu pindaan kepada Fasal 4, ia-itu tambahan syarat pada seksyen-kecil 3 (2) yang di-tadbirkan dalam Fasal 4 itu, yang berbunyi dalam bahasa Inggeris-nya :

“Provided that, until the Minister otherwise orders, this subsection shall have effect in the States of West Malaysia with the substitution of the words “ten thousand dollars” for the words “twenty-five thousand dollars”.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini di-buat sa-lepas di-chetak undang² ini ia-lah dengan sebab kenaikan nilai harta pesaka kecil daripada \$10,000 kepada \$25,000 itu akan mengakibatkan bertambah-nya pula kerja di-Jabatan² Tanah di-Malaysia Barat ini. Pindaan itu ia-lah untuk menentukan bahawa kenaikan nilai itu tidak akan mula berkuat-kasa di-Malaysia Barat ini sa-hingga Pejabat² Tanah kita di-negeri ini telah sedia atau perkiraan² lain telah di-buat untuk menguruskan kerja tambahan yang terlibat, kerana kata-nya hingga \$10,000 pun, Pemungut Hasil dan Penolong Pemungut Hasil Tanah, dengan sebab banyak pembangunan telah bertimibun² kerja menjadikan sesak di-tepi, hujung dan belakang. Dengan sebab itu-lah lambat menjalankannya. Kalau di-naikkan pula kepada \$25,000 dengan tidak menyediakan chara² atau menambahkan pegawai² dan lain²-nya dengan serta-merta boleh jadi rosak pula machinery yang sedia ada. Maka itu-lah sebab-nya saya menetapkan ka-satu masa kelak. Apabila sedia perkara itu baharu-lah di-jalankan Commission itu.

Fasal 5, Tuan Yang di-Pertua, memasokkan suatu Bahagian baharu IV mengandongi peruntukan² khas berhubung dengan Sabah sa-laras dengan Bahagian III yang ada sekarang,

yang mengandongi peruntukan² khas berhubung dengan tanah adat di-Negri Sembilan pun di-lainkan. Bahagian IV itu mengadakan peruntukan supaya semua harta pesaka kecil di-Sabah di-selenggarakan di-bawah Ordinan itu. Permohonan berkenaan dengan pembahagian harta pesaka bumiputra biasa-nya akan di-hantar ka-Mahkamah Bumiputra di-Sabah, yang di-tubuhkan di-bawah Ordinan Mahkamah Bumiputra Sabah (Bab 86). Menurut Fasal 6 keputusan Mahkamah Bumiputra Sabah itu akan terta'alok kepada rayuan dan semakan atau revision sa-bagaimana yang di-peruntukkan dalam perlembagaan Mahkamah Bumiputra itu. Harta pesaka bumiputra di-Sabah ada-lah di-ta'arifkan sa-bagai harta pesaka sa-sorang si-mati yang pada masa kematian-nya adalah sa-orang bumiputra Sabah dan terdiri dari harta takaleh yang ke-semua-nya dipegang di-bawah Hakmilk Bumiputra dengan tidak mengira apa jua nilai-nya, dan juga harta aleh (movable property), jika ada, yang bernilai tidak lebeh daripada \$20,000.

Fasal 7 memasokkan dua seksyen baharu dalam Ordinan itu. Seksyen 33 mengandongi peruntukan² perkechualian dan peralehan manakala seksyen 34 pula memasokkan dalam Ordinan itu dalam bentuk suatu Jadual peruntukan² khas berhubung dengan Melaka dan Pulau Pinang yang telah di-adakan oleh Perintah Harta Pesaka Kechil (Pulau Pinang dan Melaka) 1965, yang di-buat di-bawah Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilk Pulau Pinang dan Melaka) No. 2 tahun 1963.

Fasal 8 memansokhkan Ordinan Pentadbiran Pesaka Harta Pesaka Bumiputra dan Harta Pesaka Kechil (Bab 1) dan Fasal 9 membuat pindaan² yang kechil dan yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan dan sa-tinggi² tahniah

kapada Kerajaan yang telah mengemukakan Rang Undang² ini, terutama sa-kali mengenai dengan persetujuan Kerajaan untuk menaikkan nilai daripada \$10,000 kapada \$25,000.

Sa-sungguh-nya, Dato' Yang di-Pertua, kapada saya Rang Undang² ini ada-lah merupakan suatu rahmat kapada gulongan yang miskin, yang ada dalam tanah ayer kita ini, yang sa-lama ini terpaksa menghadapi berbagai² kesukaran dan kesusahan dalam menyelesaikan harta pesaka, walau pun harta yang di-tinggalkan oleh si-mati itu hanya berjumlah sa-banyak \$12,000 atau \$13,000 kerana mengikut undang² yang lama mereka yang meninggal dunia, yang hanya meninggalkan harta lebeh daripada \$12,000 terpaksa-lah menyelesaikan harta itu di-Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Tengah. Jadi, dengan ada-nya pindaan yang baharu ini, Dato' Yang di-Pertua, tentu-lah mereka² yang berpendapatan rendah tidak-lah bersusah pergi lebeh jauh, tetapi mereka boleh menyelesaikan masalah seperti itu di-Pejabat Tanah sahaja, ia-itu suatu tempat yang hampir dengan mereka.

Dan yang kedua, saya berpendapat di-dalam tahun 1955 dahulu telah ada suatu undang² yang di-buat dan penilaian pada masa itu kalau hendak di-bandingkan dengan penilaian harga tanah pada masa sekarang ini tentu-lah jauh beza-nya. Jadi, dengan sebab itu saya berpendapat kenaikan \$10,000 kapada \$25,000 ini memang-lah sesuai, walau pun ada di-antara sa-tengah² pehak berpendapat patut kenaikan ini lebeh daripada itu lagi, supaya naik kapada \$35,000 atau pun \$50,000 kerana dengan keadaan \$25,000 ini bukan-lah banyak sangat benda-nya dan boleh di-katakan hampir 90% atau lebeh daripada orang² yang meninggal dunia ada mempunyai harta yang bernilai seperti ini, terutama sa-kali kapada mereka yang tinggal di-luar² bandar.

Saya hanya-lah berharap kapada Kerajaan, kalau perkara ini sa-telah menjadi satu pindaan daripada \$10,000 kapada \$25,000, tetapi dengan ada-nya pembangunan di-dalam tanah ayer kita ini, dengan ada-nya perubahan², saya harap di-dalam sa-puluh

tahun akan datang atau pun kurang daripada itu pehak Kerajaan tidak keberatan untuk membuat satu pindaan baharu supaya masyarakat yang akan menghadapi perubahan di-dalam tempoh sa-puluh tahun yang akan datang tidak akan menerima kesusahan dengan ada-nya undang² yang kita baharu luluskan pada hari ini. Sebab kalau mereka yang membuat undang² dalam tahun 1955 dahulu kita sekarang ini merasai kesusahannya, maka sudah tentu tidak dapat tidak bagi orang yang akan hidup di-dalam tempoh sa-puluh tahun yang akan datang juga akan terlibat dengan suatu undang² yang kita luluskan pada hari ini.

Dengan sebab itu, Dato' Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya menyatakan bahawa saya ada-lah menyokong Rang Undang² ini dan memberi sa-tinggi² tahniah kapada Kerajaan, walau pun undang² ini di-bentangkan sa-sudah ra'ayat merasa berbagai² kesusahan akibat dari undang² yang lama. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan Rang Undang² pindaan ini. Saya juga sa-pendapat dengan rakan sejawat saya tadi bahawa kelonggaran ini sangat berfaedah di-rasai oleh umat² atau penduduk² luar bandar dengan penilaian daripada \$10,000 kapada \$25,000 itu.

Dato' Yang di-Pertua, dalam masalah harta pesaka ini, gemar saya menarek perhatian Kementerian yang berkenaan mudah-an akan memberi menufa'at kapada ra'ayat dan juga kapada Kerajaan. Satu perkara yang saya hendak bangkitkan di-sini, Dato' Yang di-Pertua, bahawa telah terjadi di-masyarakat luar² bandar khas-nya di-kampung², di-hulu² bahawa pesaka itu tidak di-ambil sejak berpuluh² tahun. Ini satu usaha yang saya berharap bagi pehak Kerajaan akan champor tangan kapada mereka² yang tidak mengambil pesaka itu supaya di-perentahkan mengambil-nya.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, ra'ayat di-luar bandar juga pernah di-takut²kan oleh orang² tengah berhubung dengan pengambilan kuasa pesaka ini. Mereka mengenakan berbagai² syarat, dan berbagai² bayaran manakala hendak mengambil kuasa. Saya harap pada masa akan datang masalah ini tidak lagi ra'ayat berasa takut. Kita boleh arahkan untuk mengambil kuasa ini kepada Penghulu², Ketua² Kampong dan Ketua² Kaum di-kawasan luar bandar.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak bangkitkan lagi dalam masalah kuasa ini ia-lah berhubung dengan pembahagian harta menurut adat kaum masing² dan juga bagi orang Islam menggunakan hukum faraidh. Apa yang telah pernah terjadi, Dato' Yang di-Pertua, bila mana keputusan membahagi harta itu kadang kala salah di-beri, erti-nya harta ini di-berikan kepada anak² angkat, pada hal menurut Undang² Islam anak angkat itu tidak ada berhak dia mendapat harta pesaka si-mati. Masalah yang sa-macam ini bila mana hendak menyelesaikan kuasa itu patut di-awasi benar, sebab biasa-nya orang² kita di-luar bandar bila mengambil anak angkat itu, anak yang di-ambil itu menggunakan nama kepada bapa angkat-nya. Jadi

dengan keadaan yang begitu, bila sampai hendak mengambil kuasa kelak, anak angkat ini juga mengaku yang diri-nya itu berhak atas harga, manakala keluarga-nya pula kadang² bertimbang rasa supaya anak itu berhak mendapat harta yang sama. Menurut Undang² Islam anak angkat memang dia tidak dapat hak dalam pesaka yang di-biharakan itu.

Satu perkara lagi, Dato' Yang di-Pertua, kalau boleh Kerajaan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang-kah lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Barangkali dalam 10 minit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nampak-nya kena-lah Ahli Yang Berhormat menyambungkan ucapan-nya pada hari esok, oleh kerana ada sa-orang lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bermohon.

Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang esok, hari Khamis, 25hb Mei, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.